

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 117)**

NOTA : [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terperinci prosedur LHDN dalam mengenal pasti 31,598 entiti yang masih belum mengisytiharkan pendapatan mereka dan purata pendapatan bulanan yang dijangka bagi entiti yang terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) membuat usaha berterusan untuk mengenal pasti entiti yang sepatutnya membayar cukai, namun, masih belum mengisytiharkan pendapatan atau yang belum mempunyai fail cukai pendapatan.

Pendekatan yang dilaksanakan oleh LHDNM dalam mengenal pasti 31,598 entiti yang masih belum mengisytiharkan pendapatan mereka adalah berdasarkan maklumat dalaman LHDNM yang diterima daripada pelbagai sumber. Semakan lanjut kemudiannya dibuat ke atas entiti yang mempunyai nilai aset atau nilai pinjaman yang melebihi RM 500 ribu termasuk rujukan silang terhadap status pendaftaran fail cukai pendapatan. Pada tarikh semakan tersebut, LHDNM telah dapat mengenal pasti sejumlah 31,598 entiti yang masih belum mempunyai fail cukai pendapatan atau belum mengisytiharkan pendapatan kepada LHDNM.

Anggaran purata pendapatan bulanan menjurus kepada entiti yang mempunyai pendapatan melebihi RM36 ribu iaitu jumlah minima layak dikenakan cukai. Pemilihan 31,598 entiti ini diperolehi oleh LHDNM melalui analisa dan tapisan maklumat yang rapi telah dijalankan dengan penuh amanah dan berintegriti bagi menangani ketirisan cukai negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan dan kadar graduan yang menganggur bagi tempoh 2020, 2021 dan terkini 2022 dan nyatakan langkah berterusan Kementerian bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan khususnya dalam melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai bakat dan skill (multi talents and skills) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian pada tahun 2020 adalah seramai 40,550 orang atau 15.6 peratus daripada 260,701 graduan warganegara yang menamatkan pengajian serta menjawab kajian pada tahun tersebut. Pada tahun 2021 pula, terdapat seramai 41,467 orang atau 14.5 peratus bilangan graduan yang belum bekerja daripada 286,299 graduan warganegara yang menamatkan pengajian.

NO. SOALAN: 11

Kementerian Pengajian Tinggi amat mengambil berat tahap kebolehpasaran para graduan dan melaksanakan inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada mereka. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. Melaksanakan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala;
- ii. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.
- iii. Memperkukuhkan program pengajian berasaskan pengalaman;
- iv. Melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO;
- v. Memperkukuhkan agenda keusahawanan atau *Job Creator* di IPT menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025; dan
- vi. Melaksanakan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran melalui PENJANA KPT dan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)

Pihak Kementerian percaya inisiatif berterusan ini akan dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]
minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) status penyenaraian tapak warisan dunia seperti Pusat Kawalan Kusta Negara, Hutan Simpan Royal Belum, Permatang Kuarza Gombak serta Taman Negara; dan
- (b) usaha memelihara dan memulihara warisan sedia ada seperti Lembah Lenggong dan Georgetown demi mengelakkan penarikan semula status oleh UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status penyenaraian sebagai Tapak Warisan Dunia bagi tapak-tapak yang disebutkan adalah seperti berikut:-

- (i) Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) Sungai Buloh, Selangor dan Taman DiRaja Belum, Perak masih lagi dalam peringkat penyediaan *dossier* pencalonan dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan sepertimana yang disyaratkan oleh pihak UNESCO. Ia melibatkan pakar-pakar, wakil Kerajaan Negeri, pemegang taruh dan agensi-agensi berkaitan yang lain. Untuk makluman, kerja-kerja bagi Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) Sungai Buloh, Selangor diurusetikan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) manakala bagi Taman DiRaja Belum, Perak ia diurusetikan oleh Taman-Taman Negeri Perak;
- (ii) tapak Permatang Kuarza, Gombak Selangor (PKGS) masih memerlukan kajian lanjut bagi memenuhi kriteria yang bersesuaian sebelum ia dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk makluman, Permatang Kuarza sedang dalam proses untuk diangkat sebagai sebuah Tapak Geopark Kebangsaan di bawah bidang kuasa pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA);
- (iii) pencalonan Taman Negara Semenanjung pula melibatkan tiga (3) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu. Secara dasarnya, ia masih dalam peringkat kajian lanjut dan perundingan sebelum dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Walau bagaimanapun, Taman Negara Semenanjung telah dimasukkan ke dalam *Tentative List* (Senarai Menunggu) di bawah UNESCO.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui JWN sentiasa memberi perhatian kepada usaha untuk memelihara Tapak Warisan Dunia di Malaysia, termasuklah Melaka dan George Town, Pulau Pinang serta Lembah Lenggong, Perak. Sebagai makluman, kesemua tapak ini telah mempunyai *Conservation Management Plan* (CMP) dan *Special Area Plan* (SAP) yang dapat mengekalkan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value-OUV*), integriti dan keasliannya. Ia telah disediakan oleh pihak JWN dengan bantuan dan kerjasama pihak Plan@Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kerjasama semua pihak terutama sekali Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan dan pemilik tapak amat diperlukan.

3. Selain rondaan berkala di tapak, pemantauan turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Tapak Warisan, Warisan Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia di peringkat JWN untuk ulasan, nasihat serta kelulusan bagi Kebenaran Merancang selain daripada pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu sendiri.

4. Program-program, aktiviti dan pembangunan yang dilaksanakan secara terkawal serta pematuhan kepada CMP dan SAP akan dapat memastikan signifikan, integriti serta status Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town, Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong serta lain-lain tapak akan terus kekal serta pengiktirafan tidak ditarik balik oleh pihak UNESCO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaikkan jumlah peruntukan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah-sekolah yang masih lagi rendah bersesuaian dengan kenaikan kos barang mentah pada waktu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) adalah pemberian makanan tambahan kepada murid sekolah rendah yang layak mengikut garis panduan yang ditetapkan.

KPM sentiasa menambahbaik program RMT dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, mulai tahun 1980, pemberian susu kepada murid sekolah rendah yang layak telah disediakan sebanyak dua kali seminggu di bawah Program Susu Sekolah (PSS). PSS kemudiannya digabungkan dengan RMT yang mana mulai tahun 2022 pemberian susu ditingkatkan kepada setiap hari persekolahan.

Kadar semasa RMT adalah sebanyak RM2.50 di Semenanjung Malaysia dan RM3.00 di negeri Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar ini mula digunakan mulai tahun 2016. Mengambil kira bahawa kadar ini telah digunakan semenjak enam tahun yang lalu, KPM sedang berbincang dengan agensi pusat kadar baharu bantuan RMT. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Kementerian meningkatkan akses internet dan kesalinghubungan berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar, terutama di Selangau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu akses kepada internet berkualiti di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sarawak dan Parlimen Selangau, perkembangan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1, setakat suku pertama 2022 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan
Sarawak	85	741	2,933	247	78,262	29,914	523	0
Selangau	1	41	111	7	320	32	35	0

Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sarawak telah meningkat kepada 84.24% pada suku pertama 2022 berbanding 73.67%

sebelum pelaksanaan JENDELA. Manakala, di Parlimen Selangau pula, peratusan liputan jalur lebar 4G telah meningkat kepada 50.04% berbanding 28.14% sebelum pelaksanaan JENDELA. Selain itu, usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaik taraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan rakyat sentiasa diutamakan.

Bagi membolehkan ketersediaan dan kebolehcapaian liputan rangkaian internet di Malaysia berada pada tahap memberangsangkan selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Manakala jumlah PoP secara keseluruhan di Sarawak adalah sebanyak 741 dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 2 kawasan berhampiran sekolah luar bandar di Parlimen Selangau akan terlibat dengan pelaksanaan PoP Fasa 1 manakala bagi Fasa 2 pula sebanyak 38. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan projek JENDELA dan sejauh mana ianya telahpun dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akses kepada internet merupakan perkara yang paling utama dalam perhatian pihak Kerajaan. Segala inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat di seluruh negara dari aspek sosio-ekonomi, pendidikan dan gaya hidup digital. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) sedang melipatgandakan usaha dan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan perkhidmatan komunikasi tersebut.

Pencapaian Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 (2020-2022) setakat suku pertama 2022 di seluruh negara seperti berikut:

- (i) sebanyak 7.027 juta premis tersedia dengan capaian gentian optik, berbanding 4.957 juta sebelum pelaksanaan JENDELA;
- (ii) purata kelajuan muat turun mudah alih telah meningkat kepada

SOALAN NO: 16

40.13 Mbps, melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 35 Mbps;

- (iii) Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara telah meningkat kepada 95.7% pada suku pertama 2022 berbanding 91.8% sebelum pelaksanaan JENDELA.

Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan	Siap	Pelaksanaan
1,417	1,920	32,422	2,105	2,070,565	1,371,940	792	47

Melalui JENDELA Fasa 2 (2023-2025) pula, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha bagi memberikan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 100Mbps melalui pelaksanaan 5G, dan meluaskan liputan jalur lebar mudah alih kepada 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Kementerian akan sentiasa cakna dan prihatin tentang perkhidmatan internet jalur lebar di negara yang kurang memuaskan dan sering dibangkitkan dan disuarakan oleh rakyat. Penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu yang telah ditetapkan bagi memastikan Aspirasi Keluarga Malaysia dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan kemudahan internet di semua sekolah di negara ini khasnya di kawasan luar bandar agar selari dengan pelaksanaan pendigitalan pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik supaya capaian internet berkelajuan tinggi, stabil dan terjamin dapat disediakan di institusi pendidikan bawah KPM sebagai pemboleh daya untuk memperkasa pelaksanaan pendigitalan pendidikan negara.

Buat masa ini, KPM telah menyediakan capaian jalur lebar internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps untuk 10,214 sekolah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,350 sekolah termasuk tiga sekolah luar bandar telah mendapat capaian internet melalui teknologi fiber optik. Sebagai pelaksanaan jangka pendek, KPM akan menambah bilangan sekolah yang akan disediakan dengan capaian internet melalui teknologi fiber optik kepada 5,031 sekolah termasuk 24 sekolah luar bandar bermula Ogos 2022.

Dalam usaha untuk memastikan capaian Internet di sekolah KPM terus dipertingkatkan, KPM sedang bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mengenal pasti pendekatan terbaik. Dalam hal ini, KPM mengambil kira pendekatan naik taraf capaian internet yang mengutamakan teknologi fiber dengan kelajuan minimum 100Mbps sehingga 1,500Mbps bergantung kepada saiz dan populasi premis institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM. Pendekatan ini adalah selaras dengan pelaksanaan Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian telekomunikasi di seluruh negara.

Projek naik taraf capaian internet yang akan dilaksanakan secara berfasa membabitkan semua premis institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM memerlukan perbelanjaan yang besar. Sehingga kini, anggaran perbelanjaan bagi projek ini masih belum dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, KPM akan memastikan bahawa pelaksanaan ini akan bersesuaian dengan tujuan (*fit for purpose*), kalis masa hadapan (*future proof*), merupakan penyelesaian yang holistik (*holistic solution*) dan memberikan nilai yang terbaik (*value for money*).

Selain itu, KPM juga akan menaik taraf infrastruktur rangkaian dalaman yang membolehkan internet dicapai dari semua lokasi dalam kawasan premis institusi bawah KPM. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggunakan bahan terkini yang memerlukan peranti moden dan canggih dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah cabaran dan usaha Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi kerana masih ramai graduan TVET berhadapan kesukaran menyambung pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat menekankan kualiti program TVET dan sentiasa berusaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Secara purata, kadar kebolehpasaran graduan bagi politeknik dan kolej komuniti bagi tempoh lima (5) tahun adalah melebihi 90%. Bagi merealisasikan pencapaian cemerlang graduan, pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani antaranya kompetensi graduan, keperluan pembangunan kurikulum selaras dengan teknologi digital dan IR 4.0, peningkatan kemahiran graduan mengikut keperluan industri semasa, kolaborasi industri dalam aspek perkongsian fasiliti dan penyelarasan dasar TVET dalam peringkat nasional.

Bagi mengatasi cabaran dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan mempertingkatkan kebolehpasaran graduan, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif berikut:

- i) Memperkasa kualiti program pengajian TVET di politeknik dan kolej komuniti melalui pematuhan *Code of Practice for TVET Programme* (COPTPA);
- ii) Memperkukuh kerjasama industri dalam pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkongsian maklumat, perkongsian teknologi dan pembangunan program. Antaranya penglibatan dan input industri melalui pelantikan *Industry Advisory Council (IAC)*, Jawatankuasa Penasihat Industri dalam pembangunan kurikulum serta penglibatan industri di dalam kampus melalui penubuhan *Industry on Campus (IOC)*;
- iii) Program pengajian berasaskan industri telah dilaksanakan bersama pihak industri iaitu:
 - a) pendekatan pembelajaran *industry-led training* seperti *Work-Based Learning* (WBL) serta latihan industri (LI) yang memfokuskan penempatan pelajar di industri sebelum mereka bergraduat; dan
 - b) pelaksanaan *Structured Internship Programme* (SIP);
- iv) Pelaksanaan 4IR Flagships sebagai *signature program* dalam menangani teknologi 4IR dalam pendidikan dan ke arah digital TVET; dan
- v) Memperkukuh kemahiran pelajar melalui aktiviti keusahawanan dan dan mempergiat pembangunan perniagaan semasa dalam pengajian.

Selain bekerja selepas tamat pengajian, graduan TVET turut berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi khususnya ke universiti awam (UA) berdasarkan syarat-syarat kelayakan masuk yang ditetapkan. Bagi graduan TVET yang terdiri daripada Diploma Politeknik, Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), mereka boleh memohon melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda ke 20 Universiti Awam (UA) melalui UPUOnline. Selain itu, graduan TVET juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui laluan (*pathway*) artikulasi program TVET di politeknik dan kolej komuniti dengan program di rangkaian universiti-universiti teknikal Malaysia atau MTUN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAMBAT @ JUGAH ANAK
MUYANG [LUBOK ANTU]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAMBAT @ JUGAH ANAK MUYANG [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berhubung cadangan penambahbaikan perkhidmatan mesin ATM di kedua-dua pekan Engkilili dan Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil maklum berkaitan isu kekurangan pusat akses kewangan terutamanya di kawasan luar bandar, dan peka terhadap kesukaran mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan termasuk penambahbaikan perkhidmatan mesin ATM.

Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan untuk menempatkan mesin ATM, antara lain ialah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat.

Pada masa ini terdapat satu lokasi mesin ATM Agrobank dan dua ejen bank [Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional] di daerah Engkilili, Sarawak. Manakala, di dalam daerah Lubok Antu, terdapat sebuah

cawangan Agrobank dan satu ejen bank BSN. Ejen bank merupakan saluran alternatif yang disediakan oleh institusi kewangan bagi menyokong dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan perbankan asas di kawasan luar bandar seperti penyimpanan dan pengeluaran deposit, khidmat pemindahan dana, pembukaan akaun, pembayaran balik pembiayaan dan pembayaran bil utiliti. Ejen bank terdiri daripada entiti perniagaan seperti kedai runcit, stesen minyak, pejabat pos, dan koperasi yang dilantik oleh pihak institusi perbankan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan asas.

Bagi meningkatkan kemudahan akses kepada perkhidmatan perbankan asas bagi penduduk di kawasan luar bandar, pihak BNM bersama pihak Kementerian Kewangan sedang berusaha untuk meluaskan inisiatif Bank Bergerak dengan kerjasama institusi kewangan, tertakluk kepada kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat. Antara perkhidmatan perbankan asas yang ditawarkan oleh Bank Bergerak termasuk penyimpanan dan pengeluaran wang, serta khidmat nasihat mengenai perbankan secara digital.

Di samping itu, pihak BNM juga menggalakkan rakyat untuk melakukan urusan perbankan secara digital, termasuk menerima bayaran bantuan kerajaan melalui akaun bank, di mana transaksi perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja secara selamat. Perbankan digital juga diharap akan dapat meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada kawasan-kawasan luar bandar, agar pengguna di seluruh Malaysia boleh mendapat manfaat daripada akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan.

Pengguna boleh mengemukakan sebarang aduan berkaitan perkhidmatan bank kepada unit aduan bank terlibat. Sekiranya aduan perkhidmatan tidak dapat diselesaikan, pengguna boleh terus menghubungi BNM menerusi "*Live Chat*" (<https://bnm.gov.my/livechat>) atau eLINK (<https://telelink.bnm.gov.my/>) atau BNMTELELINK di 1-300-88-5465. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan dasar monetari negara sehingga penghujung tahun ini berikutan ekonomi global yang tidak menentu khususnya pasaran Amerika Syarikat yang akan turut memberi kesan tidak langsung kepada negara. Dan adakah terdapat kemungkinan Malaysia akan berhadapan dengan kemelesetan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perkembangan global semasa, kebanyakan bank pusat kini telah beralih daripada sokongan dasar monetari ultra-akomodatif yang dilaksanakan semasa pandemik COVID-19 kepada dasar monetari yang lebih ketat. Tindakan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan kadar tekanan inflasi yang meningkat. Sebagai contoh, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) (Fed) telah menaikkan kadar faedah dengan lebih pantas sebanyak 150 mata asas kepada 1.75% sejak Mac tahun ini dan kadar faedah ini dijangka ditingkatkan lagi sebanyak 175 mata asas kepada 3.50% menjelang akhir tahun 2022. Kenaikan kadar faedah AS telah mendorong aliran modal, mengakibatkan penyusutan kadar pertukaran matawang dan pasaran kewangan global di kalangan ekonomi maju (*developed economies*), ekonomi pesat membangun (*emerging economies*) dan ekonomi membangun (*developing economies*).

Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus melaksanakan langkah-langkah yang komprehensif dan proaktif untuk mengehadkan impak atau limpahan daripada langkah pengetatan dasar monetari yang agresif oleh Fed ke atas pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) menerusi langkah-langkah berikut:

- i. **Memelihara kestabilan kewangan domestik dan memastikan risiko terhadap hutang luar negeri kekal terurus melalui pelaksanaan dasar berhemat**

Dalam konteks Kedudukan Kewangan Kerajaan, hampir keseluruhan hutang kerajaan persekutuan tertunggak adalah di dalam mata wang ringgit (97.5% merujuk kepada data bagi suku pertama 2022) dan hanya sebahagian kecil sebanyak 2.5% adalah dalam mata wang asing. Keadaan ini mengurangkan risiko terhadap kedudukan kewangan Kerajaan akibat penurunan kadar pertukaran ringgit.

Dalam konteks penetapan dasar yang bersesuaian bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan, paras OPR terkini pada Julai 2022 iaitu 2.25% masih di bawah paras sebelum krisis COVID-19. Dengan itu, dasar monetari masih akomodatif dan akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Kenaikan OPR secara beransur-ansur pada bulan Mei dan Julai tahun ini adalah penting untuk mengelakkan tekanan pada masa akan datang untuk menaikkan kadar OPR secara tergesa-gesa dan pada magnitud yang besar seperti apa yang berlaku di Amerika Syarikat (kadar inflasi: 9.1%), di Filipina (kadar inflasi: 6.1%) dan di Turki (kadar inflasi: 78.6%) yang boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan kesejahteraan rakyat. Jangkaan pertumbuhan yang menggalakkan dan penentukuran (*calibration*) dasar yang sesuai akan membantu menyokong keyakinan pelabur terhadap ekonomi dan ringgit.

Dalam konteks sistem perbankan, rangka kerja kawal selia berhemat BNM dan amalan pengurusan risiko yang mantap juga memastikan institusi perbankan Malaysia lebih berdaya tahan terhadap risiko luaran dan domestik. Secara khususnya, penampan kukuh sistem perbankan yang telah dibina sejak sekian lama dijangka terus menyokong aktiviti pinjaman bank kepada ekonomi. Khususnya, penampan modal lebihan institusi perbankan berjumlah RM148.4 bilion (data bagi suku pertama 2022). Penampan ini akan memperkuat keupayaan sistem perbankan untuk menangani kesan kejutan daripada pengeluaran dana luar secara mendadak.

Bagi syarikat korporat pula, pinjaman luar negeri oleh syarikat korporat daripada pihak yang tidak berkaitan akan terus dipantau dan tertakluk kepada rangka kerja Pentadbiran Pertukaran Asing (*Foreign Exchange Administration, FEA*) Bank Negara Malaysia. Rangka kerja tersebut, antara lain, bertujuan memastikan hutang luar negara disokong oleh perolehan mata wang asing, mempunyai lindung nilai secukupnya dan pinjaman digunakan untuk membiayai pelaburan yang produktif. Langkah kehematan ini penting dalam memastikan pinjaman luar negeri oleh syarikat korporat mempunyai

kemampuan sendiri dan tidak menimbulkan risiko yang besar kepada ekonomi.

- ii. **Pada masa yang sama, rizab antarabangsa BNM akan terus mempertingkatkan keutuhan sektor luaran Malaysia.** Peranan utama rizab antarabangsa adalah sebagai penampungan mudah tunai yang memastikan pelarasan kadar pertukaran ringgit yang teratur, terutamanya semasa tempoh aliran modal yang besar dan tidak menentu. Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD109.0 bilion pada 30 Jun 2022 adalah memadai untuk membiayai 5.8 bulan import barangan dan perkhidmatan dan adalah 1.1 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Selain rizab antarabangsa, BNM juga boleh memperoleh kecairan tambahan melalui pengaturan swap dua hala dengan bank-bank pusat lain. Fasiliti ini dapat mengekalkan pasaran pertukaran asing yang teratur di samping mengurangkan kesan negatif akibat aliran modal yang mendadak.
- iii. **Di samping itu, fleksibiliti pada kadar pertukaran kekal menjadi barisan pertahanan pertama Malaysia untuk menyerap kejutan luaran dan pada yang sama memastikan pengantaraan kewangan terus tidak terganggu.** Bagi menyokong operasi pasaran pertukaran asing domestik yang teratur, BNM menggunakan pelbagai alat (*tools*) sedia ada termasuk intervensi pertukaran asing dua hala semasa tempoh tekanan pasaran. Tindakan ini memastikan mudah tunai adalah mencukupi dan turun naik (*volatility*) pertukaran asing tidak berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan Malaysia akan berhadapan dengan kemelesetan ekonomi, izinkan saya berkongsi mengenai perkembangan di peringkat global terlebih dahulu. Seperti yang diterbitkan dalam laporan *Global Economic Prospect* edisi Jun 2022 oleh Bank Dunia, ekonomi global diunjur berkembang lebih perlahan daripada 5.7 peratus pada tahun 2021 kepada 2.9 peratus pada tahun 2022, setelah mengambil kira kesan daripada pandemik COVID-19 serta konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine.

Meskipun demikian, dari aspek ekonomi domestik, **pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mencatat momentum pemulihan dengan berkembang sebanyak 5 peratus pada suku pertama tahun 2022.** Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan permintaan dalam dan luar negara serta pemulihan pasaran buruh. Prestasi ini mencerminkan prospek ekonomi domestik yang memberangsangkan dan momentum pertumbuhan KDNK dijangka berterusan pada suku tahun berikutnya tahun ini.

Saya juga ingin berkongsi beberapa indikator ekonomi terkini yang menunjukkan trend positif, seperti berikut:

- i. **Pasaran buruh terus bertambah baik dengan kadar pengangguran mencatat 3.9 peratus pada Mei 2022 iaitu kadar yang paling rendah sejak Mei 2020 pada 5.3 peratus.** Kadar pengangguran dijangka mencatat guna tenaga penuh pada tahun 2022 selaras dengan pelaksanaan pakej bantuan Kerajaan yang berterusan dan prospek perniagaan yang lebih baik;
- ii. **Keyakinan perniagaan yang semakin meningkat selari dengan penggunaan swasta yang kukuh. Indeks Sentimen Pengguna (CSI) oleh MIER meningkat kepada 108.9 mata pada suku pertama 2022 (Suku keempat 2021: 97.2 mata).** Sementara itu, Statistik Kecenderungan Perniagaan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia terus merekod indikator keyakinan positif sebanyak 3.5 peratus pada suku kedua 2022 (Suku pertama 2022: 7.6 peratus). Di samping itu, nilai jualan sektor pembuatan meningkat sebanyak 13.2 peratus kepada RM147.9 bilion manakala jualan perdagangan borong dan runcit turut berkembang sebanyak 15.2 peratus kepada RM128 bilion pada April 2022; dan
- iii. **Perdagangan luar dan pelaburan langsung asing (FDI) terus mengukuh. Jumlah dagangan pada separuh pertama 2022 iaitu Januari hingga Jun berkembang sebanyak 28.2% kepada RM1,355.1 bilion manakala FDI bersih pada suku pertama 2022 meningkat kepada RM24.4 bilion (Suku keempat 2021: RM18.4**

bilion). Sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta sektor perdagangan borong dan runcit telah menarik sebahagian besar daripada aliran masuk FDI terutamanya dari Switzerland, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun.

Selain daripada perancangan dasar monetari negara, Kerajaan juga akan terus memastikan kemampanan fiskal terpelihara, khususnya melalui penggubalan dasar fiskal jangka sederhana yang teguh, berhemah dan jelas. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai dasar untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti Malaysia. Hal ini dijangka meningkatkan daya tarikan jangka panjang Malaysia kepada FDI dan portfolio. Asas ekonomi negara yang kukuh juga menjamin daya tahan ekonomi bagi menghadapi kejutan luaran dalam persekitaran global yang tidak menentu.

Sekali lagi saya ingin memberi penekanan bahawa negara kita menghadapi tempoh persekitaran luaran yang tidak menentu ini dengan kedudukan ekonomi dan sistem kewangan yang teguh dan berdaya tahan. Kedudukan aset luar Malaysia adalah kukuh, dicerminkan oleh pegangan aset luar oleh institusi kewangan dan syarikat korporat yang tinggi. Selain itu, Malaysia mempunyai pegangan yang besar dalam kedudukan aset mata wang asing bersih dengan jumlah RM1.1 trilion atau 81.8% daripada KDNK. Keupayaan Malaysia untuk bertahan daripada kejutan luaran juga tinggi, didorong oleh sistem perbankan yang teguh, kadar pertukaran mata wang yang fleksibel serta rizab antarabangsa yang mencukupi. Tambahan pula, kecairan pasaran kewangan Malaysia disokong oleh pasaran modal yang mendalam dan pelbagai. Permintaan ke atas kertas hutang Kerajaan kekal tinggi dengan purata nisbah bidaan kepada terbitan (bid-to-cover) mencatat lebih 2 kali ganda. **Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia mampu untuk mencapai sasaran pertumbuhan KDNK antara 5.3 dan 6.3 peratus pada tahun ini.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi menangani isu buli di sekolah yang semakin berleluasa baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah bawah KPM. Dalam hal ini, KPM telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan berterusan bagi mengukuhkan pendekatan sedia ada dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama iaitu penyedaran, pelaporan, penghukuman dan pemantauan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks penyedaran, KPM telah memperkenalkan konsep Sekolahku SEJAHTERA. Pendekatan ini bertujuan memupuk dan menerapkan elemen dan nilai penting kehidupan dalam kalangan warga sekolah, termasuk murid. Elemen ini diterap dan dididik oleh guru secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Ini bagi memastikan murid dapat benar-benar menghayatinya seterusnya menjadi sebahagian daripada amalan

dalam kehidupan mereka sama ada di sekolah atau di luar sekolah.
Konsep ini memberi tumpuan kepada 14 elemen iaitu:

S - Selamat, Seronok & Sihat
E - Etika & Empati
J - Jati Diri
A - Adab Sopan
H - Harmoni
T - Tekun, Teliti & Terampil
E - Eksplorasi
R - Rasional
A - Artikulasi

Penerapan elemen selamat, sihat, seronok, empati, jati diri, adab sopan, harmoni dan rasional dalam kalangan warga sekolah akan dapat membentuk keperibadian murid yang menyedari bahawa buli perlu dibanteras sepenuhnya.

Dalam aspek pelaporan, KPM telah menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli kepada KPM. Pada masa kini KPM juga sedang merangka sistem pelaporan yang akan membolehkan warga sekolah termasuk murid dan ibu bapa mereka membuat aduan terus kepada KPM dan maklumat yang diterima akan dilindungi. KPM akan terus menambah baik sistem pelaporan kes buli bagi memastikan pendekatan yang terbaik dapat dibangunkan.

KPM juga telah menyediakan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah dan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah sebagai panduan kepada pihak sekolah. Berhubung dengan penghukuman di peringkat sekolah, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/2010 yang menyentuh tentang hukuman terhadap pelaku buli di sekolah atau di asrama. KPM sedang meneliti hukuman ke atas murid yang melakukan perbuatan buli dengan membuat penambahbaikan kepada mana-mana hukuman yang tersenarai dalam SPI tersebut. Ini bagi memastikan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dan menjadi

pendekatan pencegahan yang berkesan.

Di samping itu, terdapat Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 1959 [L.N.61] yang mengawal disiplin murid-murid sekolah. Peraturan sedia ada memperuntukkan bidang kuasa Pengetua atau Guru Besar untuk mengambil tindakan disiplin terhadap murid dan tertakluk kepada tahap keseriusan kes boleh mengakibatkan murid digantung atau dibuang sekolah sekiranya Pengetua atau Guru Besar berpuas hati perlu untuk melakukan sedemikian bagi tujuan mengawal disiplin murid di sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menangani kejadian buli di sekolah. Sekiranya kejadian buli berlaku, murid yang menjadi mangsa boleh melaporkan kepada pihak sekolah atau kepada pihak polis untuk siasatan lanjut. Berhubung cadangan berkenaan penggubalan Akta Anti Membuli, ianya adalah di luar bidang kuasa KPM kerana buli tidak terhad kepada murid sekolah sahaja. Setakat ini, kesalahan berkaitan buli secara lisan atau fizikal boleh mengguna pakai peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu di bawah Seksyen 504, Seksyen 509, Seksyen 323, Seksyen 324, Seksyen 325 dan Seksyen 326.

Oleh itu, sekiranya perlakuan buli tersebut termasuk dalam salah satu kesalahan yang diperuntukan dalam mana-mana seksyen di atas, siasatan akan dilaksanakan oleh pihak polis.

Bagi aspek pemantauan pula, pada masa ini pemantauan di sekolah dilaksanakan oleh pentadbir, guru dan warden yang terdiri daripada kalangan guru. KPM juga sentiasa mengingatkan guru bimbingan dan kaunseling memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada pembuli dan mangsa buli serta murid yang cenderung untuk melakukan perbuatan membuli.

KPM sentiasa mengingatkan pihak sekolah agar berusaha mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat menerusi Program Sekolah Selamat dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan

seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kumpulan Penggerak Ibu bapa Komuniti dan Swasta (PIBKS); *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). KPM turut mengarahkan semua sekolah termasuk sekolah asrama untuk melaksanakan program kesedaran menangani isu buli bersama-sama Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula Januari 2022 secara berterusan.

Mengambil kira bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme sedia ada, terkini, KPM telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Meneliti dan Menambahbaik Prosedur Pengendalian Kes Gangguan Seksual dan Buli di Institusi Pendidikan pada 12 Mei 2022. Ahli jawatankuasa khas ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan, pengendalian kes jenayah, gangguan seksual, penelitian sistem, prosedur kerajaan dan kriminologi. Jawatankuasa ini sedang meneliti semua dokumen, kaedah dan prosedur sedia ada serta mengesyorkan tindakan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh KPM.

KPM yakin dengan pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan dapat menangani isu buli di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian bagi melicinkan birokrasi kelulusan permohonan bertukar para guru pada waktu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam mengurus permohonan pertukaran guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran murid tidak terjejas.

KPM telah membuat penambahbaikan kepada proses pertukaran guru dengan menyediakan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2021 Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini dikeluarkan bersama-sama dengan Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada garis panduan tersebut, KPM telah menetapkan tiga prinsip asas pertukaran iaitu kekosongan jawatan, keperluan opsyen serta kepentingan dan keperluan perkhidmatan. KPM turut membuat penambahbaikan dalam garis panduan tersebut. Penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. permohonan dibuka sepanjang tahun;
- ii. tempoh sah permohonan adalah satu (1) tahun dari tarikh permohonan;
- iii. permohonan dalam talian dibuka kepada semua kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP);
- iv. kelulusan pertukaran dilaksanakan sepanjang tahun bagi penyandang jawatan Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran dan Guru Tingkatan 6;
- v. kelulusan pertukaran bagi PPP yang lain dilaksanakan mengikut sesi penggal persekolahan;
- vi. keutamaan pertimbangan kelulusan pertukaran adalah kepada PPP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun di negeri semasa bagi negeri-negeri di semenanjung atau sekurang-kurangnya tiga tahun di negeri semasa bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- vii. sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke negeri yang dimohon, pertimbangan pertukaran akan diberikan kepada negeri pilihan kedua atau ketiga pemohon serta kepada negeri yang berdekatan.

KPM yakin dengan penambahbaikan kaedah dan sistem pertukaran guru ini, proses pertukaran guru dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. KPM juga sentiasa komited untuk memastikan kebajikan guru diberi keutamaan tanpa menjejaskan kepentingan perkhidmatan pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGlima HAJI MOHD
SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGlima HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara
spesifik aset pelaburan di dalam dan di luar negara yang dicairkan bagi
menampung pengeluaran i-Lestari, iSinar, i-Citra dan pengeluaran khas
RM10,000 *one off*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP mengamalkan pendekatan pelaburan berdisiplin dan pengurusan kecairan yang mantap dan berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) untuk mengurangkan impak daripada pengeluaran-pengeluaran yang dinyatakan ke atas portfolio KWSP. Ini adalah penting untuk memastikan objektif pelaburan KWSP untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli dapat dicapai terutamanya dalam waktu yang mencabar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai sebuah dana persaraan dengan jumlah aset mencecah RM1 trillion, KWSP sentiasa memastikan baki tunai yang mencukupi untuk menampung sebarang keperluan pengeluaran dan perbelanjaan. KWSP turut menerima caruman bersih bulanan yang kekal sihat serta aliran tunai masuk yang konsisten melalui kematangan instrumen pelaburan dan penjana pendapatan pelaburan.

Bagi menampung pengeluaran-pengeluaran i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan pengeluaran khas RM10,000 secara *one-off*, pencairan aset yang dilaksanakan kekal berlandaskan perjalanan biasa urusan (*ordinary course of business*) KWSP tanpa sebarang pencairan spesifik untuk menampung pengeluaran tersebut. Sebarang pembelian dan penjualan aset-aset pelaburan KWSP adalah tertakluk kepada aktiviti pengimbangan semula portfolio pelaburan yang berpandukan SAA serta bertujuan untuk menjana pendapatan nyata dan boleh agih bagi pembayaran dividen kepada ahli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai fakta 10,681 calon yang berdaftar namun tidak menduduki peperiksaan SPM 2021 dan sejauh mana ketidakhadiran mereka itu dipengaruhi faktor pandemik COVID-19, serta mekanisme Kementerian bagi membantu memastikan isu ketidakhadiran calon ke peperiksaan awam ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan pengurusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berjalan lancar dan teratur, termasuk aspek kehadiran calon berdaftar untuk menduduki peperiksaan.

Bagi SPM tahun 2021, seramai 10,681 calon berdaftar tidak hadir menduduki peperiksaan. Daripada jumlah tersebut, 9,037 orang atau 2.3 peratus adalah terdiri daripada calon sekolah KPM, calon sekolah agensi kerajaan, calon sekolah menengah agama negeri, calon sekolah swasta dan calon sekolah menengah agama rakyat manakala 1,644 orang atau 0.42 peratus lagi adalah calon persendirian.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil pendekatan dari awal bagi memastikan calon SPM hadir untuk menduduki peperiksaan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. menyediakan perkhidmatan bimbingan dan sokongan psikososial melalui pelbagai kaedah seperti program motivasi, infografik pendidikan dan video inspirasi untuk meningkatkan motivasi murid untuk terus hadir ke sekolah. Sesi konsultasi antara Guru Bimbingan dan Kaunseling bersama-sama dengan guru mata pelajaran dan guru kelas dilaksanakan untuk mengenal pasti murid yang tidak mengikuti sesi pembelajaran. Intervensi berfokus dijalankan agar murid kembali ke sekolah dan berminat untuk mengikuti pembelajaran;
- ii. mengadakan perbincangan di antara pihak sekolah dengan ibu bapa/penjaga murid untuk mengenal pasti sebab dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani isu murid yang kurang berminat untuk belajar. Kerjasama ini penting untuk memastikan ibu bapa/penjaga murid dapat menyokong pembelajaran anak-anak semasa di rumah dan sekolah;

- iii. melaksanakan intervensi murid risiko cicir pengajaran dan pembelajaran di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD). Intervensi ini melibatkan Sektor Pengurusan Pembelajaran, Sektor Pengurusan Sekolah dan Sektor Pembangunan Murid. Intervensi ini juga melibatkan *focal person*, pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) pada peringkat daerah dan negeri melalui aktiviti *outreach*;
- iv. menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di sekolah sebagai rujukan JPN, PPD dan sekolah dalam mengendalikan isu murid cicir dengan sistematik, terancang dan berkesan. KPM telah membangunkan *Dashboard* Murid Berisiko Cicir bagi mengenal pasti murid berisiko cicir; dan
- v. menyediakan Manual Pengurusan Pencegahan dan Intervensi Murid Cicir: Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI 2.0). Manual ini digunakan sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk merancang dan menyediakan intervensi yang bersesuaian supaya murid kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sebalik usaha-usaha yang dilaksanakan oleh KPM, masih terdapat calon sekolah yang tidak menduduki peperiksaan SPM atas pelbagai faktor. Ini termasuk isu seperti tidak berminat untuk meneruskan persekolahan kerana telah bekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (PERMATANG PAUH) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan tindakan Kementerian terhadap projek *lanthanide mining* oleh MCRE RESOURCES di Hulu Perak yang bakal membawa kemusnahan terhadap kawasan sebesar 2126 hektar yang merangkumi kawasan '*Environmentally Sensitive Area 1*' dan '*Primary Linkage 8 Central Forest Spine*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan permohonan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS), kawasan yang terlibat adalah seluas 2,161 hektar. Permohonan ini telah mendapat kelulusan pada 11 Mei 2022 yang lalu meliputi beberapa tanah persendirian di bawah pemilikan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Majlis Daerah Gerik, FELCRA Berhad dan Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc).
2. Berdasarkan perincian Laporan EIA yang telah diluluskan tersebut, daripada keluasan 2,161 hektar ini, hanya tanah di bawah pemilikan PPNP dan FELCRA Berhad yang berstatus tanah pertanian iaitu seluas 1,546 hektar sahaja diluluskan bagi kegunaan kawasan perlombongan

dan pusat pemprosesan mineral unsur nadir bumi (*Rare Earth Elements* - REE). Seterusnya, tanah di bawah pemilikan Majlis Daerah Gerik seluas 36 hektar diluluskan bagi tujuan pembangunan infrastruktur seperti pejabat dan stor.

3. Manakala, baki kawasan seluas 579 hektar yang berstatus tanah hutan di bawah pemilikan MB Inc. pula diluluskan bagi kegunaan kajian EIA sahaja kerana terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Daripada kawasan yang telah diluluskan EIA untuk tujuan perlombongan dan pemprosesan tersebut, pada masa ini, hanya kawasan seluas 87.45 hektar di bawah pemilikan PPPNP sahaja yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai tapak projek perintis perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (*Non-Radioactive Rare Earth Elements* – NR-REE).

4. Seterusnya, rekod Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) menunjukkan tiada sebarang kelulusan tenemen mineral (Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya) di Negeri Perak dikeluarkan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Kelas I.

5. Untuk langkah seterusnya dalam memastikan projek perlombongan ini memberikan impak yang minimum terhadap alam sekitar, Kementerian amat menekankan prinsip perlombongan secara bertanggung jawab dan mampan. Perkara ini turut telah dinyatakan semasa sesi penggulangan Perbahasan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2021 yang lalu, di mana Kementerian tidak akan menyokong dan mengeluarkan apa-apa Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (OMS) sekiranya permohonan perlombongan adalah di atas tanah berstatus HSK atau rizab perlindungan dan kawasan yang diwartakan sebagai KSAS. Hal ini adalah terpakai bagi semua jenis perlombongan termasuk perlombongan NR-REE. Oleh sebab itu, hanya kawasan tanah berstatus pertanian di bawah pemilikan PPPNP sahaja yang diluluskan bagi aktiviti perlombongan NR-REE.

6. Walaupun aktiviti perlombongan ini telah mendapat kelulusan-kelulusan berkaitan seperti EIA, OMS dan Kebenaran Merancang (KM), Kementerian masih mengawal aktiviti perlombongan ini melalui

penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan NR-REE Negeri Perak. SOP ini telah mula berkuatkuasa bermula 15 April 2022 yang lalu dan akan diguna pakai sebagai panduan untuk mengawal selia pelaksanaan Projek Perintis Perlombongan NR-REE di Negeri Perak. SOP ini telah dibangunkan secara komprehensif dengan mengambil kira kesemua akta dan perundangan berkaitan antaranya seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Enakmen Mineral (Perak) 2003, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

7. Di samping itu juga, Kementerian telah menetapkan bahawa hanya kaedah perlombongan secara *in-situ leaching* dari deposit lempung jerapan ion (*Ion Adsorption Clay – IAC*) dibenarkan bagi tujuan perlombongan dalam projek perintis ini. Kaedah ini diyakini lebih selamat berbanding kaedah perlombongan secara terbuka (*open cast*) yang akan mengakibatkan lebih banyak pembersihan hutan akibat daripada aktiviti penebangan pokok. Kaedah *in-situ leaching* hanya melibatkan pembukaan tanah yang minimum kerana hanya melibatkan suntikan larutan *ammonium sulphate* ke dalam jasad bijih melalui lubang suntikan larutan di bawah kepala tekanan tertentu untuk mengekstrak mineral ini dalam bentuk ion.

8. Mengambil kira status projek ini sebagai projek perintis, Kementerian akan memastikan kawal selia yang rapi dibuat dengan menubuhkan jawatankuasa pemantau serta melantik penilai bebas bagi membuat pemantauan berkala serta membuat penilaian impak terhadap pelaksanaan aktiviti projek perintis. Penilaian ini melibatkan faktor-faktor utama seperti keselamatan penggunaan kaedah *in-situ leaching*, penilaian terhadap sumber air bawah tanah dan air permukaan, penilaian kondisi tanah dan tanaman, kos pengeluaran mineral, impak limpahan ekonomi setempat dan kesihatan masyarakat di sekitar kawasan projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian akan menyediakan pelan pendidikan terangkum jangka masa panjang pasca COVID-19 merangkumi pendidikan dasar, pendidikan tinggi, TVET dan juga pendidikan prasekolah. Apakah Kementerian bersedia untuk melibatkan semua pihak merentasi politik, kepartian dan kepakaran sepertimana yang telah dititahkan oleh DYMM YDPA ketika pembukaan Parlimen pada bulan Julai 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah telah mula dibuka pada 3 Oktober 2021 secara berfasa setelah ditutup untuk satu tempoh yang panjang. Pembukaan semula sekolah ini membolehkan murid yang telah lama renggang dengan persekitaran persekolahan kembali semula ke sekolah. Pembukaan sekolah secara bersemuka dilaksanakan

berdasarkan satu pelan komprehensif bagi memastikan murid dapat kembali belajar di sekolah dalam keadaan selamat. Pelan komprehensif ini turut melibatkan pengoperasian institusi pendidikan lain seperti kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG). Dalam merangka pelan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan. Libat urus melibatkan pentadbir sekolah, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), murid dan kumpulan pakar daripada sektor kesihatan awam, pendidikan, psikologi kanak-kanak dan pediatrik.

KPM juga telah membuat analisis terperinci mengenai amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan dalam pengoperasian dan pembukaannya. Pelan ini kemudiannya diperincikan bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara serta diselarikan dengan Pelan Pemulihan Negara.

KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Mac 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited untuk terus memperkasakan pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET) yang ditawarkan di kolej vokasional, sekolah menengah teknik dan juga program vokasional di sekolah menengah harian. Fokus TVET KPM adalah untuk melahirkan modal insan berteraskan kemahiran, kepakaran, pengiktirafan dan pengalaman di industri. Langkah tersebut adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran serta mobiliti sebagai pekerja yang memenuhi keperluan industri. KPM komited bagi memastikan program TVET KPM dilaksanakan dengan memenuhi pembangunan latihan yang komprehensif, pensijilan yang diiktiraf oleh pelbagai pihak terutama pihak industri serta pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang berkaitan.

KPM juga menyedari pengukuhan pembelajaran pada peringkat lepas menengah amat penting semasa pandemik COVID-19 dan pasca pandemik ini. Oleh yang demikian, program peningkatan akademik yang sesuai dengan tahap penguasaan murid terhadap kurikulum Program Matrikulasi sentiasa dilaksanakan pada peringkat kolej matrikulasi untuk memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran. Di samping itu, pensyarah kolej matrikulasi telah diberikan latihan dalam mempelbagaikan bahan sokongan pembelajaran bagi mengukuh penguasaan kandungan mata pelajaran secara dalam dan luar talian turut disediakan. Murid Program Matrikulasi juga ditaksir secara berterusan mengikut kesesuaian, dan intervensi sentiasa dilaksanakan berdasarkan tahap dan keupayaan murid.

Bagi menghadapi cabaran jangka panjang pasca pandemik COVID-19, KPM telah memantapkan kemahiran guru dengan pelbagai kaedah pedagogi terkini yang dilaksanakan di institut pendidikan guru (IPG). Kaedah pedagogi ini berfokus kepada pembelajaran bermakna (deep learning) iaitu pembelajaran berasaskan projek, perkongsian rakan pembelajaran dan pemanfaatan teknologi digital. IPG juga berkolaboratif dengan agensi dalam dan luar KPM bagi program-program dalam negara dan antarabangsa.

KPM yakin pelan komprehensif yang dirancang dan dilaksanakan membolehkan murid pada semua peringkat dapat mengikuti pendidikan pasca COVID-19 secara berkesan.

KPM juga sentiasa terbuka untuk menerima sebarang cadangan daripada semua pihak dalam memastikan sistem pendidikan kebangsaan mencapai matlamat yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) jumlah pengambilan siswa-siswi ke universiti awam mengikut jurusan dan kaum mulai tahun 2015 hingga tahun 2021; dan

(b) syarat yang ditetapkan dan didasarkan oleh universiti tempatan yang di mana menganugerahi beribu-ribu PhD setiap tahun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan tawaran kemasukan mengikut bidang Lepas STPM/ Matrikulasi/ Asasi bagi tempoh 2015 hingga 2021 adalah seperti berikut; Pendidikan (19,420 calon), Sastera & Kemanusiaan (29,015 calon), Sains Sosial, Perniagaan & Undang-undang (103,429 calon), Sains, Matematik & Perkomputeran (57,638 calon), Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan (68,112 calon), Pertanian & Veterinar (4,402 calon) Kesihatan & Kebajikan (18,448 calon) dan Perkhidmatan (10,920 calon).

Bagi jumlah keseluruhan kemasukan pelajar Lepas STPM/ Matrikulasi/ Asasi bagi tempoh 2015 hingga 2021 pula adalah: Bumiputera sebanyak

237,120 calon, Cina 53,288 calon, India 16,182 calon dan Lain-Lain 4,794 calon.

Tan Sri Yang di-Pertua,

(b) Program Kedoktoran atau PhD yang melalui penilaian jaminan kualiti MQA perlu mematuhi Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran yang merupakan dokumen rujukan dalam menawarkan program pascasiswazah di Malaysia. Sebagai usaha memastikan kualiti program Ijazah Kedoktoran sentiasa kekal seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan antarabangsa, pembangunan standard dan semakan semula telah dilaksanakan dengan melibatkan panel pakar akademik dan industri. Antara keperluan standard yang khusus bagi program Ijazah Kedoktoran adalah:

- (i) keperluan untuk memenuhi tempoh lazim pengajian antara tiga (3) hingga empat (4) tahun;
- (ii) penghasilan tesis dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemeriksa dalam bidang penyelidikan yang mana salah satunya adalah pemeriksa luar. Pemeriksa yang dilantik juga perlu mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan penerbitan bidang yang berkaitan;
- (iii) penghasilan tesis memenuhi hasil pembelajaran program bagi tahap Kedoktoran (Tahap 8 MQF);
- (iv) IPT yang menawarkan program Ijazah Kedoktoran perlu menyediakan garis panduan dan prosedur berkaitan struktur dan format penyediaan tesis berdasarkan keperluan standard program yang berkaitan; dan
- (v) pelantikan penyelia yang berkeelayakan dan mencukupi serta mematuhi nisbah penyelia kepada pelajar seperti yang dikehendaki dalam standard program.

Kesemua perkara yang dinyatakan di atas juga adalah tertakluk kepada proses akreditasi penuh dan audit pematuan oleh MQA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan penambahan lapisan kenaikan pangkat gred DG56 bagi Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang akan memberi manfaat kepada para pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang kini berada di gred DG54.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa kini, Gred DG56 tidak wujud dalam Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan kerjaya PPP tidak terhenti di Gred DG54 sahaja. PPP yang cemerlang dan berprestasi tinggi berpeluang untuk dipertimbangkan kenaikan ke Gred Khas/Gred Utama secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di sekolah, institusi, pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian di kementerian melalui kenaikan pangkat di laluan cemerlang selain kenaikan ke jawatan Gred Utama yang telah wujud secara hakiki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah pengenalan sistem peperiksaan akhir tahun dan penerusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak menambah beban tugas guru setelah pemansuhan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai perubahan kepada sistem pentaksiran dan penilaian murid seiring dengan keperluan arus semasa. Dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, murid ditaksir melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Peperiksaan Pusat.

Berikutan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan PBS, melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PBS telah diperkenalkan lebih 10 tahun yang lalu, iaitu mulai tahun 2011 di peringkat sekolah rendah. Pentaksiran ini bertujuan untuk menilai aspek intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam konteks PBD, guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pembelajaran mereka termasuk kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Dengan ini, guru boleh merancang dan mengubah suai kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi membantu setiap murid meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran mereka. Pelaksanaan PBD secara berterusan dapat mempersiapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai sebagai asas yang kukuh untuk mengikuti pembelajaran di peringkat seterusnya.

PBD terdiri daripada pentaksiran secara berterusan (formatif) dan ujian akhir sesi akademik (sumatif). Ujian akhir sesi akademik ditadbir oleh pihak sekolah seperti mana peperiksaan akhir tahun membabitkan murid Tingkatan 1 hingga 3 bagi sekolah menengah. Ujian tersebut akan menilai pembelajaran murid mengikut tahun dan bukan bertumpu kepada Tingkatan 3 sahaja. Oleh itu, semua guru dari Tingkatan 1 hingga 3 adalah bertanggungjawab terhadap pencapaian setiap murid; seterusnya mengurangkan bebanan kepada guru yang mengajar Tingkatan 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan menyediakan bank soalan untuk semua mata pelajaran bagi memastikan soalan yang standard dan setara digunakan oleh sekolah di seluruh negara. Panduan penskoran bagi kesemua mata pelajaran tersebut juga akan disediakan untuk kemudahan guru.

Antara pendekatan dalam pengukuhan PBD bagi murid Tahun 4 hingga Tingkatan 3 mulai tahun 2022 adalah dengan menambah baik pengurusan ujian akhir sesi akademik melalui penyediaan soalan yang setara standardnya oleh KPM. Soalan tersebut disediakan oleh guru yang berkepakaran dalam pembinaan item dan disimpan dalam sistem bank

soalan yang dibangunkan oleh KPM.

Untuk tujuan pelaksanaan ujian akhir sesi akademik, pihak sekolah akan menjana set soalan daripada sistem tersebut dan ditadbir di sekolah seperti mana ujian akhir tahun sebelum ini. Panduan penskoran juga akan disediakan untuk kemudahan guru.

Penambahbaikan kepada ujian akhir sesi akademik ini bagi membolehkan guru dan ibu bapa bersama-sama membantu membangunkan potensi murid bermula daripada peringkat sekolah rendah. Dalam mencapai hasrat ini, pelaporan ujian akhir sesi akademik akan digunakan untuk membolehkan intervensi awal dilakukan bagi mengoptimumkan potensi murid. Pelaporan ini bukan untuk tujuan perbandingan pencapaian antara murid atau sekolah.

Selain itu, KPM juga mempergiatkan program latihan untuk pentadbir dan guru bagi meningkatkan kemahiran serta memantapkan pelaksanaan pentaksiran berterusan di sekolah. Guru juga akan terus dilatih untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk penggunaan teknologi digital.

KPM yakin bahawa pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Pendekatan ini membolehkan guru memberi tumpuan kepada perkembangan dan potensi murid secara menyeluruh dan bukan hanya tertumpu kepada peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan wakil tetap dari Kerajaan Sarawak sebagai Anggota Lembaga di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) seperti apa yang tercatat dalam Artikel 21 (1) *Inter-Governmental Report* 1962 yang merupakan dokumen penting semasa pembentukan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan masih sedang meneliti aspek-aspek perundangan yang berkaitan dalam menimbang cadangan pelantikan wakil yang berasal dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dalam Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci kaedah yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian menangani isu buli di sekolah yang semakin berleluasa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah bawah KPM. Dalam hal ini, KPM telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan berterusan bagi mengukuhkan pendekatan sedia ada dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama iaitu penyedaran, pelaporan, penghukuman dan pemantauan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks penyedaran, KPM telah memperkenalkan konsep Sekolahku SEJAHTERA. Pendekatan ini bertujuan memupuk dan menerapkan elemen dan nilai penting kehidupan dalam kalangan warga sekolah, termasuk murid. Elemen ini diterap dan dididik oleh guru secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Ini bagi memastikan murid dapat benar-benar menghayatinya seterusnya menjadi sebahagian daripada amalan

dalam kehidupan mereka sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Konsep ini memberi tumpuan kepada 14 elemen iaitu:

S - Selamat, Seronok & Sihat

E - Etika & Empati

J - Jati Diri

A - Adab Sopan

H - Harmoni

T - Tekun, Teliti & Terampil

E - Eksplorasi

R - Rasional

A - Artikulasi

Penerapan elemen selamat, sihat, seronok, empati, jati diri, adab sopan, harmoni dan rasional dalam kalangan warga sekolah akan dapat membentuk keperibadian murid yang menyedari bahawa buli perlu dibanteras sepenuhnya.

Dalam aspek pelaporan, KPM telah menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli kepada KPM. Pada masa kini KPM juga sedang merangka sistem pelaporan yang akan membolehkan warga sekolah termasuk murid dan ibu bapa mereka membuat aduan terus kepada pihak KPM dan maklumat yang diterima akan dilindungi. KPM akan terus menambah baik sistem pelaporan kes buli bagi memastikan pendekatan yang terbaik dapat dibangunkan.

KPM juga telah menyediakan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah dan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah sebagai panduan kepada pihak sekolah.

Berhubung dengan penghukuman di peringkat sekolah, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/2010 yang menyentuh tentang hukuman terhadap pelaku buli di sekolah atau di asrama. KPM sedang meneliti hukuman ke atas murid yang melakukan perbuatan buli dengan membuat penambahbaikan kepada mana-mana hukuman yang tersenarai dalam SPI tersebut. Ini bagi memastikan hukuman yang

dikenakan adalah setimpal dan menjadi pendekatan pencegahan yang berkesan.

Di samping itu, terdapat Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 1959 [L.N.61] yang mengawal disiplin murid-murid sekolah. Peraturan sedia ada memperuntukkan bidang kuasa Pengetua atau Guru Besar untuk mengambil tindakan disiplin terhadap murid dan tertakluk kepada tahap keseriusan kes boleh mengakibatkan murid digantung atau dibuang sekolah sekiranya Pengetua atau Guru Besar berpuas hati perlu untuk melakukan sedemikian bagi tujuan mengawal disiplin murid di sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menangani kejadian buli di sekolah. Sekiranya kejadian buli berlaku, murid yang menjadi mangsa boleh melaporkan kepada pihak sekolah atau kepada pihak polis untuk siasatan lanjut. Berhubung cadangan berkenaan penggubalan Akta Anti Membuli, ianya adalah di luar bidang kuasa KPM kerana buli tidak terhad kepada murid sekolah sahaja.

Setakat ini, kesalahan berkaitan buli secara lisan atau fizikal boleh mengguna pakai peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu di bawah Seksyen 504, Seksyen 509, Seksyen 323, Seksyen 324, Seksyen 325 dan Seksyen 326.

Oleh itu, sekiranya perlakuan buli tersebut termasuk dalam salah satu kesalahan yang diperuntukan dalam mana-mana seksyen di atas, siasatan akan dilaksanakan oleh pihak polis.

Bagi aspek pemantauan pula, pada masa ini pemantauan di sekolah dilaksanakan oleh pentadbir, guru dan warden yang terdiri daripada kalangan guru. KPM juga sentiasa mengingatkan guru bimbingan dan kaunseling memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada pembuli dan mangsa buli serta murid yang cenderung untuk melakukan perbuatan membuli.

KPM sentiasa mengingatkan pihak sekolah agar berusaha mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat menerusi Program

Sekolah Selamat dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kumpulan Penggerak Ibu bapa Komuniti dan Swasta (PIBKS); *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). KPM turut mengarahkan semua sekolah termasuk sekolah asrama untuk melaksanakan program kesedaran menangani isu buli bersama-sama Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula Januari 2022 secara berterusan.

Mengambil kira bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme sedia ada, terkini, KPM telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Meneliti dan Menambahbaik Prosedur Pengendalian Kes Gangguan Seksual dan Buli di Institusi Pendidikan pada 12 Mei 2022. Ahli jawatankuasa khas ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan, pengendalian kes jenayah, gangguan seksual, penelitian sistem, prosedur kerajaan dan kriminologi. Jawatankuasa ini sedang meneliti semua dokumen, kaedah dan prosedur sedia ada serta mengesyorkan tindakan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh KPM.

KPM yakin dengan pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan dapat menangani isu buli di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana pelajar di sekolah dilatih untuk menjadi warganegara yang tidak bergantung kepada majikan dan makan gaji bila mereka meninggalkan alam persekolahan tetapi mempunyai sifat kreativiti dan inovasi untuk menjadi majikan dan berdiri di atas kaki sendiri dengan mempelopori alam perniagaan dan berteknologi tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi tumpuan kepada perkembangan potensi murid secara bersepadu dan menyeluruh ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Matlamat ini diterjemah melalui aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu kemahiran memimpin yang antara lain memberi penekanan kepada aspek keusahawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka dan menggubal kurikulum yang berasaskan kemahiran ekonomi dari peringkat prasekolah sehingga peringkat rendah bermula tahun 2011 dan di peringkat menengah bermula tahun 2017. Pada masa ini, elemen keusahawanan diterapkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Di peringkat menengah, murid diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran berkaitan keusahawanan seperti Pengajian Keusahawanan dan Perniagaan sebagai mata pelajaran elektif. Selain daripada itu, terdapat 22 Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang menerapkan elemen keusahawanan.

Bagi Kolej Vokasional (KV), bidang keusahawanan turut memberi penekanan kepada elemen *School Enterprise* (SE) seperti berikut:

- i. kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan;
- ii. kebolehan merangka perancangan perniagaan;
- iii. kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang
- iv. perniagaan dan pekerjaan; dan
- v. kebolehan untuk bekerja sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan KSSR dan KSSM memberi penekanan kepada elemen kreativiti dan inovasi serta teknologi maklumat dan komunikasi yang merentas semua mata pelajaran. Komponen inovasi diperkenalkan secara khusus dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di peringkat sekolah rendah dan

menengah. Pada peringkat sekolah menengah, komponen inovasi terdapat dalam mata pelajaran Reka Cipta (RC), Asas Sains Komputer (ASK), Sains Komputer (SK), Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Reka Bentuk Industri (hanya ditawarkan di Sekolah Seni Malaysia). Elemen inovasi juga diterapkan dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik.

KPM menjalinkan kerjasama strategik bersama-sama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha melahirkan murid yang berinovasi melalui pelbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada program keusahawanan, celik kewangan dan kepentingan pengurusan kewangan. Antara agensi yang terlibat adalah *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (*MOSTI*), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO), Majlis Reka Bentuk Malaysia, Angkatan Koperasi Malaysia (ANGKASA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Malaysia *Institute of Accountants*.

KPM turut bekerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara di bawah Kementerian Perdagangan dan Keusahawanan untuk menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah dengan memperkenalkan program usahawan muda. Objektif utamanya adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman *hands on* kepada murid dalam sistem operasi sesuatu syarikat berasaskan model koperasi. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk mengadakan simposium keusahawanan, persidangan usahawan muda dan kem keusahawanan.

Secara keseluruhan, KPM sentiasa berusaha memberikan pendidikan yang berkualiti tinggi bagi melahirkan generasi pewaris negara yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan masa hadapan serta berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan para guru serta pelajar terjamin di kawasan sekolah seperti menyediakan pejabat guru dan tandas yang selesa dan selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan seluruh warga sekolah, termasuk guru serta murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan tahap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga sekolah berada dalam keadaan yang baik. Dalam hal ini, Jawatankuasa Induk Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) Peringkat KPM yang dianggotai oleh pelbagai agensi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia bertanggungjawab untuk menambahbaik aspek 3K di sekolah secara menyeluruh. Jawatankuasa ini berperanan untuk menggubal dasar,

menentukan hala tuju, merancang keperluan sumber dan mengkaji keberkesanan bagi menangani isu kebersihan, kesihatan dan keselamatan. Di samping itu, pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) perlu membuat pemantauan dan bimbingan secara berkala bagi memastikan aspek 3K dilaksanakan dengan baik di sekolah.

KPM turut memperuntukkan perbelanjaan mengurus untuk tujuan penyelenggaraan fasiliti di 10,229 buah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bawah KPM. Peruntukan bagi sekolah berstatus sekolah kerajaan diagihkan berdasarkan permohonan dan susunan keutamaan kerja-kerja penyelenggaraan, ubah suai dan naik taraf yang disyorkan oleh JPN atau Jabatan Kerja Raya. Manakala sumbangan bantuan kepada sekolah berstatus sekolah bantuan kerajaan pula akan dipertimbangkan berdasarkan permohonan dan pengesyoran daripada JPN. Peruntukan penyelenggaraan tersebut adalah untuk memastikan kemudahan asas sekolah termasuk kelas, tandas, bilik guru dan bilik-bilik khas dapat berfungsi dengan baik. Peruntukan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan (PIP) termasuk sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak RM550 juta bagi tahun 2020, RM800 juta bagi tahun 2021 dan RM850 juta bagi tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah memperkenalkan konsep Sekolahku SEJAHTERA bertujuan memupuk dan menerapkan elemen dan nilai penting kehidupan dalam kalangan warga sekolah, termasuk guru dan murid. Elemen ini diterap dan dididik oleh guru secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Ini bagi memastikan murid dapat benar-benar menghayati dan seterusnya menjadi sebahagian daripada amalan dalam kehidupan mereka sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Konsep ini memberi tumpuan kepada 14 elemen iaitu:

S - Selamat, Seronok & Sihat

E - Etika & Empati

J - Jati Diri

A - Adab Sopan

H - Harmoni

T - Tekun, Teliti & Terampil

E - Eksplorasi

R - Rasional

A - Artikulasi

Penerapan elemen selamat, seronok, sihat, etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni dan rasional dalam kalangan warga sekolah akan dapat membentuk keperibadian individu yang sentiasa memberi keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan demi kesejahteraan seluruh warga sekolah.

KPM yakin bahawa pendekatan berterusan yang dilaksanakan ini dapat menambahbaik ekosistem pendidikan demi masa depan generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan/atau akan diambil oleh pihak KPM untuk meningkatkan peratus vaksinasi PICKids. Nyatakan juga SOP atau prosedur yang terpakai pada ketika ini jika terdapat murid yang disahkan positif COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids), khususnya bagi murid di sekolah bawah KPM.

KPM sentiasa memantau perkembangan PICKids berdasarkan data vaksinasi yang dikeluarkan oleh pihak CITF, KKM dari semasa ke semasa. Bagi melancarkan pelaksanaan PICKids, KPM telah meminta supaya semua jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) membuat pemantauan secara berterusan berkenaan pelaksanaan PICKids. Dalam hal ini, JPN dan PPD telah melaksanakan taklimat kepada ibu bapa/ penjaga secara berterusan melalui sekolah bagi memberi kefahaman kepada mereka mengenai kepentingan dan faedah vaksinasi kepada kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur operasi standard di sekolah sekiranya terdapat murid yang positif COVID-19 adalah seperti berikut:

- a) Bagi murid di sekolah harian, pihak sekolah perlu:
 - i. mengasingkan murid di bilik isolasi; dan
 - ii. menghubungi ibu bapa/penjaga untuk menjemput murid dari institusi pendidikan dengan menggunakan kenderaan sendiri.

- b) Bagi murid sekolah berasrama, pihak sekolah perlu:
 - i. mengasingkan murid di bilik isolasi asrama institusi pendidikan dan dibenarkan pulang menjalani pengasingan di rumah dengan permohonan dan persetujuan ibu bapa; dan
 - ii. melaporkan kepada PPD dengan kadar segeramenguruskan makanan dan minuman untuk murid yang diasingkan di asrama; danmemantau kesihatan murid dua kali sehari dan segera menghubungi COVID-19 *Assessment Centre* (CAC)/Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC)/klinik kesihatan/hospital berhampiran atau talian 999 untuk bantuan kecemasan sekiranya keadaan murid bertambah teruk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status bayaran royalti petroleum terhadap negeri Kelantan yang masih belum dilaksanakan sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada negeri-negeri kerana kedudukan medan pengeluaran yang beroperasi adalah di luar wilayah negeri termasuk negeri Kelantan.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan menyediakan bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran termasuk negeri Kelantan yang mana dana Wang Ehsan tersebut digunakan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mengatasi isu kekurangan sumber tenaga dalam bidang industri kini. Apakah insentif tambahan Kementerian selain skim pinjaman sedia ada yang mana realitinya ia hanya menambah beban hutang pinjaman pelajaran sedia ada.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan rangka promosi sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar lepasan SPM menyambung pengajian ke politeknik dan kolej komuniti dalam pelbagai bentuk penyampaian, antaranya melalui platform media sosial, media massa (radio dan televisyen), promosi secara maya, promosi media cetak dan promosi POLYCC secara fizikal di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 36 politeknik dan 105 kolej komuniti yang menawarkan 92 program pengajian pelbagai peringkat dan bidang. Antara faktor yang boleh menarik minat pelajar adalah syarat kelayakan masuk yang minimum iaitu lulus sijil SPM bagi kemasukan program peringkat sijil serta program bercirikan TVET di politeknik dan kolej komuniti. Selain itu, lokasi politeknik dan kolej komuniti yang hampir dengan komuniti setempat juga menjadi tarikan kepada para ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke institusi pilihan.

Kerajaan juga turut menyediakan kemudahan akses pendidikan TVET kepada para belia yang mana dianggarkan 80% kemudahan program TVET oleh penyedia TVET adalah percuma, selain pelajar juga layak menerima elaun kemahiran. Selain itu, insentif sedia ada di KPT adalah Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) kepada para pelajar daripada keluarga B40 yang mengikuti pengajian di peringkat sijil di Kolej-kolej Komuniti.

Di samping itu, KPT turut mengisytiharkan insentif baharu kepada pelajar B40 yang layak bermula ambilan 2022/2023 iaitu Dermasiswa TVET B40. Pelajar di politeknik dan kolej komuniti peringkat diploma dan ijazah sarjana muda juga berpeluang untuk mendapat pembiayaan daripada institusi yang menawarkan dermasiswa/bantuan kepada pelajar-pelajar di politeknik dan kolej komuniti, antaranya adalah Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Sime Darby, dan Lembaga Zakat Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang dibelanjakan untuk setiap seorang murid di bawah Rancangan Makanan Tambahan dan bilangan murid yang menikmati kemudahan tersebut di Sarawak sejak lima (5) tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2022, jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk setiap murid di bawah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) termasuk pemberian susu adalah sebanyak RM750.50 bagi Semenanjung Malaysia dan RM912 bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk maksimum 190 hari persekolahan.

Sepanjang tempoh lima tahun, bilangan penerima kumulatif yang menikmati kemudahan tersebut di negeri Sarawak adalah seramai 346,663 murid. Perincian bilangan penerima bantuan RMT bagi setiap tahun adalah seperti berikut:

- i. tahun 2018 seramai 66,827 murid
- ii. tahun 2019 seramai 61,477 murid;
- iii. tahun 2020 seramai 65,470 murid;
- iv. tahun 2021 seramai 63,107 murid; dan
- v. tahun 2022 seramai 89,782 murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan sentiasa menambah baik bantuan ini dari semasa ke semasa dan memastikan setiap murid yang layak menerima RMT mendapat manfaat daripada program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan situasi COVID-19 telah berubah daripada pandemik kepada endemik, apakah perbezaan dari segi perbelanjaan untuk kedua-dua fasa bagi menangani wabak ini serta bantuan ekonomi yang diberikan serta keberkesanannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita sebenarnya masih belum dalam fasa “Endemik” sebaliknya pada masa ini berada dalam fasa “Peralihan ke Endemik” yang merupakan *exit strategy* bagi membolehkan rakyat kembali ke kehidupan normal selepas 2 tahun berdepan dengan cabaran penularan COVID-19. Sehubungan itu, perbandinganperbezaan dari segi perbelanjaan untuk fasa pandemik dan endemik sebagaimana persoalan Ahli Yang Berhormat masih belum dapat dibuat.

Walau bagaimanapun, semasa negara dalam fasa pandemik, Kerajaan telah menggunakan pendekatan 6R iaitu *Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalize* dan *Reform* dalam usaha memulihkan ekonomi negara di samping menjaga kebajikan rakyat. Bagi menyokong usaha ini, sebanyak lapan (8) Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM530 bilion iaitu sebanyak RM305 bilion pada tahun 2020 dan RM225 bilion pada tahun 2021 telah diumumkan. Hasilnya, ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021 dan seterusnya berkembang sebanyak 5.0% pada suku pertama 2022.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diadakan semasa negara dalam fasa pandemik pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada landskap pekerjaan Malaysia apabila kadar pengangguran pada ketika itu berada di tahap tertinggi iaitu sebanyak 5.3 peratus. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran di negara ini telah menunjukkan trend penurunan yang menjadi indikator positif pemulihan sektor ekonomi yang mana kadar pengangguran yang direkodkan sehingga April 2022 adalah sebanyak 3.9 peratus berbanding 4.6 peratus bagi tempoh sama pada 2021. Hal ini membuktikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif seperti Program Subsidi Upah bernilai lebih RM20 bilion dan kejayaan inisiatif pewujudan peluang pekerjaan melalui JanaKerja dan JaminKerja.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Bajet 2022 memperuntukkan RM332.1 bilion dan sebanyak RM23 bilion daripada

jumlah tersebut diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Selaras dengan peralihan negara ke fasa endemik, Kerajaan masih meneruskan inisiatif-inisiatif untuk membantu mengukuhkan ekonomi rakyat dalam pasca pandemik yang mendokong tiga (3) paksi utama iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan yang memberi fokus utama iaitu:

Pertama: Rakyat yang Sejahtera;

Kedua: Perniagaan yang Berdaya Tahan; dan

Ketiga: Ekonomi yang Makmur dan Mampan.

Secara keseluruhan, sehingga 31 Mei 2022, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM23.3 bilion yang memanfaatkan sebanyak 24 juta rakyat dan 898 perniagaan. Antara inisiatif utama yang diketengahkan adalah:

Rakyat:

- a. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dengan perbelanjaan sebanyak RM1.96 bilion yang memanfaatkan hampir lapan (8) juta individu;
- b. Perluasan syarat kelayakan kebajikan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan 2019 dengan perbelanjaan sebanyak RM2.36 bilion yang memanfaatkan hampir 425,000 individu; dan
- c. Perbelanjaan Perolehan Pakej Penjagaan COVID-19 (PPC) dengan perbelanjaan sebanyak RM422.63 juta yang telah diedarkan kepada lima (5) juta Ketua Isi Rumah

Perniagaan:

- a. Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan SJPP dengan jumlah jaminan sebanyak RM3.39 bilion yang telah memanfaatkan hampir dua (2) ribu perniagaan;
- b. Kemudahan Agromakanan di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.52 bilion yang telah memanfaatkan hampir dua (2) ribu perniagaan; dan
- c. Kemudahan untuk semua sektor ekonomi di bawah BNM dengan jumlah perbelanjaan RM1.19 bilion yang telah memanfaatkan dua (2) ribu perniagaan

Ekonomi:

- a. Bantuan Khas Kewangan dengan perbelanjaan RM1.3 bilion yang memanfaatkan dua (2) juta penjawat awam;
- b. Penyediaan perkhidmatan 5G dengan perbelanjaan sebanyak RM227 juta; dan
- c. Pembekalan peralatan kit ujian kepada murid sekolah dengan perbelanjaan RM50 juta ringgit yang memanfaatkan dua (2) juta murid sekolah.

Kerajaan akan terus komited memastikan semua inisiatif yang dirangka di bawah Bajet 2022 dapat dilaksanakan dengan efektif dan mencapai objektif agar ekonomi negara dapat diperkukuh semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai kerakyatan, pelarian, pencari suaka atau tidak mempunyai dokumen di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin akan keperluan menyediakan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia termasuk kanak-kanak bukan warganegara dan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kemasukan murid bukan warganegara ke sekolah telah diperuntukkan dalam sub-peraturan 5(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 [*P.U.(A) 275/1998*] dan kategori murid bukan warganegara tersebut terhad kepada kategori yang berikut:

- (a) anak kakitangan kedutaan asing;
- (b) anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- (c) anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
- (d) kanak-kanak yang dipilih oleh Kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan negara kanak-kanak itu.

Sebagai tambahan, KPM turut mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan (3) Tahun 2008: Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara bertarikh 15 Januari 2018.

Berhubung kemasukan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah pula, buat masa ini P.U.(A) 275/1998 tidak memperuntukkan berkenaan perkara ini dan kemasukan kanak-kanak tersebut ke sekolah adalah hanya berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009.

KPM sedia maklum akan kekangan P.U.(A) 275/1998 sedia ada berkenaan kemasukan murid bukan warganegara dan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah. Oleh itu, pada masa ini KPM dalam proses menambah baik Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar Dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar Di Sekolah) 1998 [*P.U.(A) 275/1998*] untuk meneliti semula kategori kanak-kanak bukan warganegara dan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen yang dibenarkan masuk ke sekolah kerajaan dan sekolah bukan kerajaan. Proses penambahbaikan P.U.(A) 275/1998 merupakan suatu proses memerlukan pelibatan serta perbincangan dengan pelbagai Kementerian dan agensi. Semasa proses ini dijalankan, P.U.(A) 275/1998 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/2009 masih berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam memastikan agar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang gagal mendapatkan sijil berkenaan kerana tidak lulus beberapa mata pelajaran teras namun cemerlang dalam mata pelajaran subjektif lain tidak ketinggalan dan masih mempunyai masa depan yang cerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin akan calon yang tidak lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah yang menyebabkan mereka tidak layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Justeru, bagi calon tersebut, mereka boleh menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun. SPMU menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Untuk tahun ini, SPMU akan dilaksanakan pada bulan September.

Selain daripada itu, calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya. Keputusan ini boleh digabungkan dalam satu sijil peperiksaan melalui perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM. Calon yang memperoleh sijil SPM kali pertama mulai tahun 2009, layak untuk memohon perkhidmatan tersebut. Dengan cara ini, calon masih berpeluang untuk mendapatkan sijil SPM atau memperbaiki keputusan mereka untuk melanjutkan pengajian atau memohon pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan rundingan isu pembayaran royalti minyak kepada negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada negeri-negeri kerana kedudukan medan pengeluaran yang beroperasi adalah di luar wilayah negeri termasuk negeri Kelantan.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan menyediakan bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran termasuk negeri Kelantan yang mana dana Wang Ehsan tersebut digunakan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah yang harus diambil untuk mengatasi masalah penipuan atau kerugian atas penyertaan “*money game*” seperti *QuinnPay*. Adakah tindakan atau siasatan sedang dijalankan demi kepentingan para peserta yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim penipuan / pelaburan yang bersifat ‘*money game*’ merupakan satu bentuk jenayah penipuan kewangan (*financial scam*). Kesalahan-kesalahan berkaitan skim sebegini adalah di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan seperti:

- i. Polis Diraja Malaysia (PDRM) – bagi kesalahan menipu;
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) – bagi kesalahan menjalankan skim jualan langsung tanpa lesen dan mempromosikan atau menjalankan skim piramid;
- iii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – bagi kesalahan menjalankan skim kepentingan secara haram;
- iv. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) – bagi kesalahan menjalankan pelaburan sekuriti secara haram; dan
- v. Bank Negara Malaysia (BNM) – bagi kesalahan menjalankan aktiviti pengambilan deposit secara haram atau dagangan mata wang asing secara haram.

Pelbagai langkah telah diambil dalam usaha membendung dan mencegah masalah penipuan kewangan melalui inisiatif kesedaran pengguna kewangan. Pelbagai saluran telah digunakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan antaranya melalui laman sesawang berikut:

- i. Portal “Semak Mule” oleh PDRM yang membolehkan orang ramai membuat semakan serta “*Scam Alert*” yang menyediakan maklumat terkini berhubung jenayah penipuan;
- ii. “Senarai Amaran Pengguna Kewangan” atau “Senarai Amaran Penipuan Kewangan” yang menyenaraikan syarikat-syarikat dan laman sesawang yang tidak diberikan kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan yang ditadbir oleh BNM;
- iii. “Senarai Peringatan Pelabur” (“*Investor Alert List*”) oleh SC yang menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram; dan
- iv. “Status Syarikat Jualan Langsung” serta “Senarai Lesen yang Dibatalkan” oleh KPDNHEP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a)jumlah hasil daripada Cukai Makmur setakat ini ; dan
- (b)adakah Kerajaan sedang mengkaji atau bercadang untuk memperkenalkan cukai-cukai lain termasuklah GST, cukai durian runtuh (*windfall tax*), atau cukai pewarisan (*inheritance tax*) dalam tempoh terdekat atau jangka masa panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pembentangan Bajet 2022 Kerajaan telah melaksanakan Cukai Makmur secara *one-off terpakai* hanya kepada syarikat yang memperoleh pendapatan bercukai melebihi seratus juta ringgit (RM100 juta). Cukai pada kadar 33 peratus akan dikenakan ke atas jumlah pendapatan bercukai yang melebihi seratus juta ringgit (RM100 juta) bagi tahun taksiran 2022 sahaja.

Pengenaan cukai makmur adalah *one-off* dan Kerajaan tidak akan meneruskan Cukai Makmur selepas 2022. Kerajaan mensasarkan

sekurang-kurangnya **4 bilion ringgit** hasil tambahan daripada Cukai Makmur untuk tahun taksiran 2022.

Memandangkan pengenaan Cukai Makmur adalah bagi tahun taksiran 2022, maka jumlah kutipan hasil khusus dari cukai tersebut hanya boleh ditentukan setelah semua syarikat membuat pelaporan cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2022 dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tempoh akhir tahun perakaunan syarikat. Oleh yang demikian, jumlah kutipan hasil daripada Cukai Makmur seperti yang diminta belum dapat dikemukakan buat masa ini.

Bagi soalan Yang Berhormat berkaitan pelaksanaan cukai baharu, dimaklumkan bahawa Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan sebarang cukai baharu seperti GST, cukai durian runtuh (*windfall tax*) atau cukai pewarisan (*inheritance tax*) dalam jangka masa terdekat. Walau bagaimanapun, demi kelestarian kutipan hasil cukai pada masa akan datang, inisiatif dan kajian yang berterusan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menstruktur suatu sistem percukaian yang seimbang, adil, saksama supaya dapat menyokong dan meningkatkan hasil negara. Inisiatif ini adalah perlu bagi memastikan kutipan hasil cukai dapat ditingkatkan untuk menampung keperluan aktiviti atau program pemulihan khusus bagi membantu golongan sasar mendepani kesan COVID-19 serta kenaikan kos sara hidup disebabkan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan mengambil kira pandangan dan maklumbalas pelbagai pihak berkepentingan mengenai kesan sekiranya langkah-langkah cukai ini dilaksanakan. Kerajaan perlu memastikan langkah ini tidak menjejaskan kedudukan ekonomi dan daya saing negara selaras dengan usaha berterusan untuk menarik pelaburan asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kementerian dalam mengurangkan kos perkhidmatan rangkaian internet supaya semua rakyat kita mampu menikmatinya khasnya para pelajar dari keluarga golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bertanggungjawab memastikan bahawa setiap rakyat mempunyai akses pada kos yang berpatutan untuk memanfaatkan internet. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperkenalkan dua pakej kemudahan akses Internet iaitu Pakej Remaja Keluarga Malaysia dan Pakej Peranti Keluarga Malaysia. Pakej ini dapat membantu rakyat termasuklah golongan remaja untuk mengakses internet dan memiliki peranti pintar pada harga mampu milik.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha untuk mengurangkan kos perkhidmatan rangkaian internet bagi membantu rakyat, seperti berikut:

- (i) menggalakkan perkongsian infrastruktur seperti menggunakan *Multi Operator Core Network* (MOCN) yang boleh dikongsi oleh pelbagai operator dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan operasi (OPEX) dan

perbelanjaan modal (CAPEX). Dasar ini menggalakkan penjimatan kos pembangunan infrastruktur komunikasi yang berupaya menjadi faktor kepada penurunan harga perkhidmatan mudah alih;

- (ii) instrumen Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (*Mandatory Standard on Access Pricing* atau “MSAP”) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang melalui proses kajian semula yang dijangka selesai pada bulan Disember 2022. MSAP yang disemak pada tahun 2017 telah membawa penurunan harga runcit lebih daripada 40% secara purata untuk perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi. Penumpuan perkhidmatan jalur lebar tetap ini membolehkan penawaran pakej yang membawa lebih penjimatan kepada pengguna; dan
- (iii) penubuhan Digital Nasional Berhad (“DNB”) sebagai syarikat tunggal untuk membangunkan rangkaian 5G di Malaysia (*single wholesale network* atau “SWN”) dijangka akan mengurangkan kos pembangunan infrastruktur untuk rakyat menikmati perkhidmatan 5G pada harga runcit yang lebih rendah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem percukaian “*Good and Service Tax*” kembali pada tahun ini atau tahun depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih mengkaji kesesuaian melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (atau GST) dan model-model cukai kepenggunaan yang lain dengan mengambil kira semua aspek. Ini termasuklah kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada serta kelemahan sistem GST yang dilaksanakan pada tahun 2015. Kajian yang dijalankan turut meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Cukai baharu tersebut, jika dilaksanakan, juga perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Dalam menetapkan kadar GST yang bersesuaian, Kerajaan perlu menyeimbangkan di antara keperluan untuk tidak terlalu membebankan rakyat, dengan keperluan Kerajaan untuk mempunyai ruang fiskal yang

memadai bagi memastikan kedudukan ekonomi negara terus stabil. Contohnya, Kerajaan perlu mengambil kira kadar inflasi semasa yang menggambarkan kenaikan harga barangan pengguna secara umum yang sedang membebankan kebanyakan rakyat. Namun, dalam masa yang sama, peningkatan harga minyak di pasaran dunia dan nilai matawang negara yang tidak menentu telah menyebabkan tanggungan perbelanjaan negara kian meningkat untuk memastikan bantuan yang bersesuaian dapat terus diberikan kepada rakyat. Kesemua faktor ini perlu diambil kira sebelum kadar yang sesuai bagi pelaksanaan GST dapat ditetapkan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi negara sedang dalam fasa pemulihan. Kerajaan memahami bahawa pengenalan sebarang bentuk cukai baharu dalam keadaan ekonomi sedemikian bukan sahaja akan membebankan rakyat, malah berisiko untuk merencatkan momentum pemulihan ekonomi yang sedang berlangsung. Untuk itu, pelaksanaan sebarang bentuk cukai kepenggunaan perlu mengambil kira senario semasa. Di samping itu, ia juga memberi ruang bagi persiapan dan persediaan yang rapi di kedua-dua pihak Kerajaan dan pembayar cukai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kes penipuan bank tentang pengeluaran atau pemindahan wang yang telah dilaporkan tahun ini. Adakah mana-mana akaun korporat telah digodam pada masa ini dan apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian Kewangan atau Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jenayah penipuan adalah satu kesalahan yang termaktub dalam Kanun Keseksaan dan siasatannya adalah dalam bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sebarang insiden penipuan haruslah dilaporkan terus kepada pihak PDRM untuk siasatan lanjut. Menurut rekod PDRM, statistik kes jenayah atas talian bagi tahun 2021 hingga 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes							Jumlah
	Belian On-line	Pinjaman Tidak Wujud	<i>African Scam / Love Scam</i>	<i>Macau Scam</i>	Pelaburan	<i>Business Email Compromise</i>	Tipu SMS	
2021	9,499	4,784	1,460	1,585	3,195	57	121	20,701
2022 (30 Jun)	4,640	1,621	415	1,918	1,780	25	69	10,468
Jumlah	14,139	6,405	1,875	3,503	4,975	82	190	31,169

Isu kehilangan wang dalam akaun tanpa pengetahuan/ kebenaran pelanggan adalah berpunca terutamanya daripada pelbagai kaedah pemerdayaan oleh sindiket penipuan kewangan untuk mendorong pelanggan institusi kewangan menyerahkan maklumat perbankan sama ada secara sedar atau tidak. Contohnya, tawaran servis pembersih rumah atau penghantaran makanan di mana sindiket penipuan kewangan mengarahkan mangsa memuat turun fail aplikasi APK (*Android Package Kit*) yang boleh membaca sistem pesanan ringkas (SMS) tanpa disedari mangsa, berserta skrin pembayaran atau pemindahan wang yang palsu. Ada masanya, sindiket-sindiket ini turut menyamar sebagai pihak berkuasa atau bank bagi memancing maklumat perbankan dari mangsa-mangsa. Justeru, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dan industri perbankan sentiasa mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dan melindungi maklumat perbankan daripada dikongsi dengan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh BNM untuk mengatasi isu kehilangan wang dalam akaun tanpa pengetahuan/ kebenaran pelanggan adalah melalui program meningkatkan kesedaran oleh BNM bersama dengan institusi-institusi kewangan dan agensi penguatkuasaan mengenai penipuan kewangan menerusi siri-siri taklimat kesedaran secara dalam talian, program orang ramai, menggunakan saluran media dan juga laman media sosial.

Orang ramai dinasihatkan agar mengambil tindakan berhati-hati bagi mengelakkan daripada terpedaya dan menjadi mangsa penipuan. Antara tindakan yang boleh dipraktikkan adalah:

- Jangan sesekali panik dan mengikut arahan yang diberikan oleh pemanggil termasuk pemindahan wang kepada orang yang tidak dikenali, tanpa terlebih dahulu menghubungi pihak polis atau institusi kewangan terbabit;
- Jangan hubungi semula nombor telefon yang diterima, sebaliknya dapatkan nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi terbabit melalui laman sesawang rasmi untuk pengesahan lanjut;
- Jangan dedahkan atau kongsi butiran ID pengguna dan kata laluan akaun perbankan atas talian, nombor dan PIN kad ATM atau kad kredit anda kepada orang yang tidak dikenali;

- Jangan memuat turun aplikasi pihak ketiga menggunakan fail APK diberikan oleh orang yang tidak dikenali kerana aplikasi terbabit boleh mengakses maklumat peribadi dalam telefon mangsa; dan
- Sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak-pihak tertentu.

Selain itu, BNM juga telah mengeluarkan garis panduan dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) kepada bank-bank di Malaysia bagi membantu pihak bank dalam melaksanakan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*), pemprofilan risiko pelanggan secara berkesan, mengenal pasti kewujudan sesuatu penipuan kewangan melalui petunjuk (*red flags*) serta memahami kaedah-kaedah dan trend jenayah kewangan terkini. Sekiranya transaksi akaun menimbulkan kecurigaan, sama ada melalui laporan yang diterima daripada pihak berkuasa, bank-bank lain ataupun berdasarkan penilaian dalaman awal, pihak bank boleh mengenakan sekatan ke atas akaun tersebut bagi membolehkan penilaian secara menyeluruh dapat dilaksanakan di samping memastikan wang daripada aktiviti penipuan ataupun aktiviti-aktiviti jenayah lain tidak dikeluarkan daripada akaun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan untuk mengkaji semula kadar bayaran kepada pengusaha untuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT) memandangkan kadar bayaran bagi setiap hidangan tidak lagi memadai dengan kenaikan kos ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) adalah pemberian makanan tambahan kepada murid sekolah rendah yang layak mengikut garis panduan yang ditetapkan.

KPM sentiasa menambahbaik program RMT dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, mulai tahun 1980, pemberian susu kepada murid sekolah rendah yang layak telah disediakan sebanyak dua kali seminggu di bawah Program Susu Sekolah (PSS). PSS kemudiannya digabungkan dengan RMT yang mana mulai tahun 2022 pemberian susu ditingkatkan kepada setiap hari persekolahan.

Kadar semasa RMT adalah sebanyak RM2.50 di Semenanjung Malaysia dan RM3.00 di negeri Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar ini mula digunakan mulai tahun 2016. Mengambil kira bahawa kadar ini telah digunakan semenjak enam tahun yang lalu, KPM sedang berbincang dengan agensi pusat kadar baharu bantuan RMT. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan statistik guru sekolah yang telah memohon untuk bersara awal sejak dari tahun 2020 hingga kini dan apakah punca utama terhadap keinginan mereka untuk bersara awal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau keperluan dan pengisian jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di sekolah bawah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod KPM, jumlah guru yang bersara awal pada tahun 2021 adalah seramai 4,389 orang atau 1.06 peratus daripada jumlah keseluruhan pengisian guru pada 1 Januari 2021. Manakala bagi tahun 2020, guru bersara awal adalah seramai 4,212 atau 1.01 peratus. Secara purata, peratusan guru yang bersara pilihan untuk tahun 2017 hingga 2021 adalah 0.99 peratus daripada jumlah keseluruhan pengisian guru pada 1 Januari tahun-tahun tersebut.

Dalam konteks pembangunan kerjaya, KPM menyediakan peluang pembangunan profesionalisme kepada guru bagi memastikan guru sentiasa bersedia serta bermotivasi dalam menjalankan tugas dan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing. Ini termasuk memberi pendedahan tentang deskripsi tugas guru akademik di sekolah serta latihan dan bimbingan yang berterusan kepada guru dalam mendukung pelaksanaan dasar pendidikan semasa, termasuk melengkapkan guru dengan kemahiran dalam aspek pendigitalan pendidikan bagi mendepani sistem pendidikan abad ke-21.

Di samping itu, KPM juga menyediakan latihan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi untuk memberikan kemahiran pengurusan emosi, kawalan diri dan amalan harian yang positif berdasarkan tahap kesejahteraan psikologi yang dinilai melalui Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

TARIKH : 1 OGOS 2022

SOALAN

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan dan perkhidmatan yang sedia ada dan akan diadakan di Sarawak untuk membantu golongan kanak-kanak yang mengalami gangguan seksual terutama di sekolah dan di rumah dan sama ada mahkamah khas untuk kes gangguan seksual kanak-kanak akan disediakan di setiap negeri terutama di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, mana-mana kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun boleh disabitkan hukuman di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] tidak kira di mana-mana tempat termasuk sekolah dan rumah.

Kerajaan juga telah mewujudkan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-kanak (Mahkamah JSKK) sejak tahun 2017. Mahkamah JSKK yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan di Putrajaya dan Mahkamah JSKK kedua pula telah ditubuhkan di Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak. Pada masa ini Mahkamah JSKK telah diwujudkan di 14 lokasi secara keseluruhan bagi memastikan akses yang menyeluruh kepada rakyat.

KPWKM menyedari wujudnya kekangan daripada sudut perundangan dan polisi sedia ada terhadap isu gangguan seksual dan telah mengambil inisiatif untuk menggubal Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual (RUU AGS) sebagai forum alternatif melalui penubuhan Tribunal untuk menyelesaikan aduan gangguan seksual secara sivil di semua tempat tidak kira sama ada ia berlaku di rumah, pejabat ataupun di tempat awam. Ini termasuklah aduan gangguan seksual melibatkan kanak-kanak yang berfokuskan kepada pemberian remedi khusus (tebus rugi) kepada mangsa dengan mudah, murah dan cepat. Di bawah Fasal 13 (3) RUU AGS telah menyatakan seorang belum dewasa atau mana-mana yang tidak berupaya boleh diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga *ad litem*nya semasa sesi pendengaran.

Selain daripada itu, KPWKM turut menyediakan Perkhidmatan Talian Kasih 15999 sebagai platform penghubung antara kumpulan sasar dengan pihak kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan yang turut merangkumi aspek antara lain kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini (mengikut pecahan negeri) mengenai bilangan guru sekolah, termasuk bilangan guru baharu yang diambil untuk tahun 2021 dan 2022, dan jumlah kekurangan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pelbagai pendekatan telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM bagi memastikan semua sekolah di seluruh negara mendapat bekalan guru yang mencukupi. Terkini, KPM telah selesai melaksanakan pengambilan khas guru secara *one-off* pada tahun 2021. Sehingga 25 Julai 2022, seramai 16,381 guru telah ditempatkan di sekolah KPM seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2022 jumlah perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bagi sekolah bawah KPM adalah sebanyak 432,383 dan pengisian adalah seramai 416,366 orang. Dengan ini kekosongan perjawatan PPP adalah sebanyak 16,017.

Daripada jumlah tersebut, penempatan guru baharu pada tahun 2021 adalah seramai 8,830 orang dan sehingga 25 Julai 2022, penempatan keseluruhan guru baharu bagi tahun 2022 adalah seramai 17,682 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan antara syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia :-

- (a) jumlah syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera mengikut paras banjaran setiap 10% sehingga 100% serta nilai saham berkenaan; dan
- (b) jumlah peratus dan individu Bumiputera yang memiliki saham public spread terkini bagi syarikat Pasaran Utama (*Main Market*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a)Jumlah syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera mengikut paras banjaran (*range*) setiap 10% sehingga 100% serta nilai saham berkenaan adalah seperti berikut:

Paras Banjaran Pegangan Saham Bumiputera* (merangkumi semua kategori Bumiputera – individu, nomini Bumiputera, syarikat, dan sebagainya)	Bilangan Syarikat (tidak termasuk Pasaran LEAP)	Nilai Pegangan Saham Bumiputera (RM Bilion)
< 10%	204	407.61
>10% - 20%	217	451.91
>20% - 30%	126	208.07
>30% - 40%	115	181.15
>40% - 50%	82	55.98
>50% - 60%	68	154.87
>60% - 70%	65	77.02
>70% - 80%	42	198.52
>80% - 90%	17	27.67
>90%	5	0.49
Keseluruhan atau Jumlah	941	545

Tuan Yang di-Pertua,

- (b)Manakala jumlah peratus dan individu Bumiputera yang memiliki saham *public spread* terkini bagi syarikat Pasaran Utama (*Main Market*) adalah seperti berikut:

Jumlah Bilangan Syarikat di Pasaran Utama	Bilangan Individu Bumiputera Yang Memiliki Saham di Pasaran Utama	Nilai Pegangan Saham Individu Bumiputera di Pasaran Utama (<i>individu di bawah struktur Nominasi tidak diambil kira</i>)	Nilai Pegangan Saham Individu Bumiputera & Nominasi Bumiputera di Pasaran Utama
800	284,178	0.53% (iaitu RM9.15 bilion daripada jumlah nilai pasaran RM1,735.6 bilion)	14.3% (iaitu RM248 bilion daripada jumlah nilai pasaran RM1,735.6 bilion)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hutang negara setakat kini dan bagaimana hutang/jaminan 1MDB, SRC dan SSER telah menyumbang kepada hutang negara yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir-Jun 2022, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,045 bilion atau 63.8% kepada KDNK. Bagi tempoh yang sama, baki komitmen hutang 1MDB yang melibatkan bayaran prinsipal serta faedah kepada 2 bon dan 1 sukuk adalah sebanyak RM32.08 bilion, dengan andaian kadar tukaran wang asing untuk USD1 bersamaan RM4.50. Manakala baki komitmen hutang SSER yang melibatkan bayaran prinsipal dan faedah berjumlah RM8.78 bilion, dengan andaian kadar tukaran wang asing untuk RMB1 bersamaan RM0.6588. Walau bagaimanapun, komitmen hutang SRC telah pun selesai pada 28 Mac 2022 yang lalu.

Untuk makluman Yang di-Pertua, secara amnya, hutang 1MDB, SRC dan SSER tidak meningkatkan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan secara langsung. Walau bagaimanapun, 1MDB, SRC dan SSER merupakan entiti yang menerima jaminan Kerajaan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 atau Seksyen 14 Akta Tatacara Kewangan. Oleh itu, entiti ini akan memberikan pendedahan risiko liabiliti luar jangka kepada Kerajaan selagi komitmen hutang entiti tersebut masih belum selesai. Selain itu, entiti ini juga dikategorikan sebagai komitmen jaminan kerana menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan bagi membantu dalam bayaran komitmen hutang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos pembinaan MRT
3 dengan pecahan terperinci jumlah tersebut dan sama ada Kerajaan
akan mendapatkan persetujuan Parlimen bagi pelaksanaan MRT 3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 4 Mac 2022 telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Mass Rapid Transit Laluan 3 (MRT 3) yang akan melengkapkan infrastruktur pengangkutan awam sedia ada di Lembah Klang dengan menyediakan perkhidmatan bersepadu, mampu milik dan cekap untuk keselesaan dan kemudahan rakyat. Cadangan laluan MRT 3 ini adalah sekitar 51 km dan mempunyai 31 buah stesen yang di mana 10 daripadanya akan menjadi stesen pertukaran dengan laluan rel sedia ada di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan anggaran, kos keseluruhan Projek MRT 3 adalah sebanyak RM 50.2 bilion dengan pecahan perincian seperti berikut:

Bil.	Perkara	Anggaran Kos (RM Bilion)
1.	Kos pembinaan	34.3
2.	Kos perolehan tanah	8.4
3.	Kos pengurusan projek	5.6
4.	Lain-lain kos	1.9
	Jumlah	50.2

Walau bagaimanapun, kos keseluruhan projek akan dimuktamadkan selepas proses tender terbuka selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kos yang perlu dikeluarkan bagi keperluan meningkatkan kemudahan internet di semua sekolah seluruh Malaysia dan jaminan Kementerian projek ini tidak akan mengulangi kegagalan program 1Bestari net.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik supaya capaian internet berkelajuan tinggi, stabil dan terjamin dapat disediakan di institusi pendidikan bawah KPM sebagai pemboleh daya untuk memperkasa pelaksanaan pendigitalan pendidikan negara.

Dalam usaha untuk memastikan capaian internet di sekolah terus dipertingkatkan, KPM sedang bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mengenal pasti pendekatan terbaik. Dalam hal ini, KPM mengambil kira pendekatan naik taraf capaian internet yang mengutamakan teknologi fiber dengan kelajuan minimum 100Mbps sehingga 1,500Mbps bergantung kepada saiz dan populasi premis institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM. Pendekatan ini adalah selaras dengan pelaksanaan Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian telekomunikasi di seluruh negara.

Projek naik taraf capaian internet yang akan dilaksanakan secara berfasa membabitkan semua premis institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM memerlukan perbelanjaan yang besar. Sehingga kini, anggaran perbelanjaan bagi projek ini masih belum dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, KPM akan memastikan bahawa pelaksanaan ini akan bersesuaian dengan tujuan (*fit for purpose*), kalis masa hadapan (*future proof*), merupakan penyelesaian yang holistik (*holistic solution*) dan memberikan nilai yang terbaik (*value for money*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengenal pasti cabaran dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan berdasarkan pengalaman melalui Projek *SchoolNet*, 1BestariNet dan Projek Interim Perkhidmatan Internet. Cadangan penambahbaikan utama yang telah

dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) penyediaan rangkaian akses internet fiber dengan lebar jalur (*bandwidth*) yang lebih tinggi dan terjamin mengikut jumlah dan keperluan pengguna di institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM;
- (ii) penyediaan rangkaian dalaman yang lebih menyeluruh di dalam kawasan institusi pendidikan dan institusi lain bawah KPM seperti di bilik darjah, dewan, asrama dan pusat sumber selain daripada di makmal ICT, pejabat pentadbiran dan bilik guru;
- (iii) peralatan ICT serta alat PdP digital yang lengkap dan sempurna untuk menyokong pelaksanaan pendidikan digital; dan
- (iv) penyediaan polisi yang holistik dan jelas tentang kaedah dan penggunaan teknologi digital dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

KPM komited untuk melakukan yang terbaik supaya internet berkelajuan tinggi, stabil dan terjamin dapat disediakan sebagai pemboleh daya untuk memperkasa pelaksanaan pendigitalan pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING (BANGI)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING (BANGI) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilangan korporat PPA yang telah ditandatangani dan telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan angka terkini bagi tahun 2022 dan kapasiti tenaga elektrik dalam MW yang dijangka akan dihasilkan oleh korporat PPA ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme korporat *Power Purchased Agreement (PPA)* untuk Tenaga Boleh Baharu (TBB) belum lagi dilaksanakan kerana pelaksanaannya perlu diteliti dari pelbagai aspek meliputi kepentingan semua pengguna elektrik (domestik, industri dan komersial), perancangan dan pembangunan projek TBB secara holistik, penggunaan dan keanjalan sistem dan rangkaian talian grid nasional serta ketersediaan kerangka perundangan. Oleh itu, tiada sebarang ikatan korporat PPA yang telah dimeteraikan buat masa ini.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu koperasi untuk terlibat dalam pemerolehan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Prinsip perolehan yang telah digariskan oleh Kementerian Kewangan antara lain menetapkan agar urusan perolehan dibuat secara terbuka, adil dan saksama selain mematuhi dasar dan peraturan yang berkuatkuasa. Dalam hubungan ini, gerakan koperasi boleh membuat pendaftaran untuk urusan berkaitan perolehan Kerajaan selaras dengan Panduan Pendaftaran Akaun Asas dan Akaun Kementerian Kewangan Malaysia Bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, tiada keutamaan perolehan kerajaan yang diberikan kepada koperasi, namun sekiranya tawaran koperasi dapat memberi nilai faedah yang terbaik kepada Kerajaan, koperasi tersebut akan akan dipertimbangkan untuk perolehan kerajaan di bawah peraturan semasa yang berkuatkuasa. Sehingga kini, sebanyak 1,202 buah koperasi yang masih aktif dan memiliki sijil akuan pendaftaran Kementerian Kewangan.

Dalam konteks kementerian, KUSKOP melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengambil langkah-langkah tertentu dalam membantu koperasi berkaitan perolehan Kerajaan seperti:

- i. SKM telah memberi keutamaan kepada koperasi untuk membida perolehan secara pembelian terus sehingga RM20 ribu. Dalam hal ini, SKM telah mengeluarkan satu surat kelulusan yang memberi kebenaran kepada koperasi untuk terlibat dalam bidaan perolehan untuk dijadikan rujukan oleh SKM Ibu Pejabat dan negeri.
- ii. Pada masa yang sama, keutamaan juga diberikan kepada koperasi bagi membida perolehan yang dilaksanakan secara sebut harga dan tender terutama yang menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Koperasi di bawah SKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]
TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kes kejutan elektrik di asrama UUM yang meragut nyawa mangsa Vinosiny Sivakumar serta langkah-langkah memastikan litar elektrik di universiti kita selamat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sekali lagi ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Vinosiny Sivakumar atas pemergian beliau.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, kes yang dinyatakan ini adalah masih dalam siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sehubungan dengan itu, KPT masih belum menerima sebarang maklum balas daripada pihak PDRM. Oleh yang demikian, KPT buat masa ini tidak dapat menyatakan sebarang status berhubung kes ini supaya tidak mengganggu proses siasatan yang berlangsung. Walau bagaimanapun, semua pihak yang berkaitan termasuk pihak Universiti Utara Malaysia (UUM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia Malaysia telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan lancar dan telus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPT memandang serius dan sentiasa memberi perhatian terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar. Dalam hal ini, Kementerian telah mengarahkan semua Universiti Awam (UA) agar menilai semula aspek keselamatan fasiliti masing-masing. Setiap institusi perlu melaksanakan kajian secara menyeluruh termasuk memperkukuhkan aspek tadbir urus dan pengurusan penyelenggaraan bangunan supaya lebih selamat untuk diduduki.

Kementerian turut ingin menegaskan bahawa soal keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa menjadi keutamaan dalam memastikan suasana pembelajaran mahasiswa di dalam kampus sentiasa berada di tahap selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan alasan Jabatan Warisan Negara yang telah menolak pencalonan tapak Green Ridge (Battle of Kampar) sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] padahal sebelum ini, Kementerian telah bersetuju untuk mewartakan tapak tersebut sebagai tapak warisan bersejarah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) bertanggungjawab melindungi khazanah warisan negara melalui pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

2. Tapak *Green Ridge Battle of Kampar* merupakan tapak bersejarah Perang Dunia Ke-2 di Tanah Melayu yang menjadi saksi pertempuran pada 30 Disember 1941 sehingga 2 Januari 1942 di antara tentera British dalam menyekat kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu. Tapak ini telah dimasukkan ke dalam Senarai Inventori Warisan bersama lapan (8) tapak lain di Kampar.

3. Untuk makluman, tapak ini boleh dipertimbangkan untuk diwartakan di bawah Akta 645. Walau bagaimanapun, Pesuruhjaya Warisan hanya boleh meneruskan pewartaan ke atas tapak ini setelah pihak Kerajaan Negeri Perak mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Menyelesaikan terlebih dahulu proses pengambilan tanah bagi tapak *Green Ridge Battle of Kampar*;
- (ii) Mewartakan tapak tersebut di bawah enakmen warisan atau apa-apa akta yang bersesuaian di peringkat negeri bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan; dan
- (iii) Bersetuju untuk melaksanakan penyenggaraan setelah pewartaan dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan pelancaran infrastruktur 5G di bawah Digital Nasional Berhad (DNB) di Lembah Klang dan kawasan lain di Malaysia pada akhir 2021 dan pada akhir Jun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) sedang dijalankan secara berfasa, bermula di kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi yang tinggi kerana kelebihan teknologi 5G lebih memberi impak kepada sektor perusahaan dan industri.

DNB telah memulakan pelaksanaan rangkaian 5G pada tahun 2021 yang melibatkan kawasan sekitar Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur. Peluasan rangkaian 5G diteruskan bagi tahun 2022 dengan sasaran 36% liputan di kawasan berpenduduk dan melibatkan penyediaan kira-kira 4,000 tapak 5G. Kawasan yang terlibat adalah kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar utama di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Peluasan ke tempat-tempat lain akan dilaksanakan pada tahun berikutnya, dengan sasaran utama 80% liputan di kawasan berpenduduk pada penghujung tahun 2024.

Sehingga 4 Julai 2022, sebanyak 1,506 tapak telah siap dibangunkan dan liputan 5G telah mencapai 27% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Jumlah langganan perkhidmatan 5G juga dianggarkan telah mencecah 250,000 langganan. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh OpenSignal pada 22 Jun 2022, Malaysia telah menduduki tangga pertama di dunia bagi kelajuan muat naik 5G iaitu pada kelajuan 50.3Mbps dan tangga kedua di dunia bagi kelajuan muat turun 5G iaitu pada kelajuan 382.2Mbps. Pencapaian ini membuktikan rangkaian 5G yang dibangunkan adalah berkualiti dan berkemampuan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan betapa teruk penyelenggaraan sekolah kebangsaan, sama ada rendah atau menengah apabila belanjawan Kementerian telah dinaikkan untuk tahun 2022 dan peruntukkan ICU daripada Ahli Parlimen perlu digunakan untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2022, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM850 juta untuk penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan bawah KPM. Peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan penyelenggaraan di 10,229 buah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bawah KPM. Selain itu, peruntukan tersebut turut digunakan bagi penyelenggaraan institusi yang lain seperti kuarters, kolej matrikulasi dan sebagainya.

Peruntukan bagi sekolah berstatus sekolah kerajaan diagihkan berdasarkan permohonan dan susunan keutamaan kerja-kerja penyelenggaraan, ubah suai dan naik taraf yang disyorkan oleh jabatan pendidikan negeri (JPN) atau Jabatan Kerja Raya (JKR). Manakala, sumbangan bantuan kepada sekolah berstatus sekolah bantuan kerajaan pula dipertimbangkan berdasarkan permohonan dan pengesyoran daripada JPN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai kerja penyelenggaraan, ubah suai dan naik taraf di institusi KPM telah dirancang dan diluluskan pada awal tahun bagi membolehkan persediaan perolehan dan pelantikan kontraktor dilaksanakan segera sebaik sahaja diluluskan. Ini bermaksud peruntukan penyelenggaraan telah disalurkan mengikut perancangan yang ditetapkan kepada JPN pada setiap awal tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI (KUALA NERUS)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI (KUALA NERUS) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan strategi Kementerian dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada minyak, gas dan arang batu bagi mengelakkan kenaikan tarif elektrik yang sudah pasti membebankan rakyat. Laporan media menyebut berikutan kekurangan bahan-bahan berkenaan di peringkat global mengakibatkan harga bekalan tenaga dunia melambung tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengurangkan kebergantungan Negara kepada sumber penjanaan elektrik berasaskan bahan api fosil seperti minyak, gas dan arang batu, beberapa dasar dan program berkaitan sumber penjanaan berasaskan Tenaga Boleh Baharu (TBB) telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

1. Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 31% kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025 dan 40% menjelang tahun 2035. Sasaran tersebut akan dapat dicapai melalui

pelaksanaan program-program TBB sedia ada seperti *Feed-in Tariff* (FiT), *Net Energy Metering* (NEM), *Self-Consumption* (SelCo) dan *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA).

2. Kerajaan melalui *Malaysia Renewable Energy Roadmap* (MyRER) (2022 – 2035) telah menggariskan kerangka strategik bagi meningkatkan campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara melalui pelaksanaan empat tonggak strategi berasaskan teknologi iaitu solar, bio-tenaga, hidro dan sumber-sumber baharu. Pelaksanaan kesemua tonggak ini akan didukung oleh empat strategi pemangkin yang berperanan sebagai *enabler* ke arah usaha peningkatan kapasiti TBB negara serta mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida. Empat strategi pemangkin tersebut adalah:

- (i) memanfaatkan peluang TBB dalam pasaran bekalan elektrik (*leveraging electricity market reform for RE opportunities*);
- (ii) menambah baik akses kepada pembiayaan (*improve access to financing*);
- (iii) pembentukan modal insan dan pembangunan infrastruktur (*shape human capital and infrastructure*); dan
- (iv) peningkatan keanjalan sistem grid pembekalan elektrik (*increase system flexibility*).

3. Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara atau *National Energy Efficiency Action Plan* (NEEAP) (2016 – 2025) telah dan sedang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan tenaga dalam tiga sektor utama, iaitu sektor industri, komersial dan kediaman. Melalui NEEAP, Kerajaan mensasarkan penjimatan elektrik terkumpul sebanyak 8% pada tahun 2025 berbanding senario *business-as-usual* (BAU). Sehingga Disember 2021, pelaksanaan inisiatif di bawah NEEAP telah menyumbang kepada penjimatan elektrik tahunan sebanyak 4.37% atau penjimatan terkumpul sebanyak 21,163 Gigawatt jam bersamaan dengan RM6.06 bilion.

4. Kerajaan juga sentiasa komited untuk menggalakkan rakyat melaksanakan amalan cekap tenaga dalam kehidupan seharian mereka. Dalam hal ini, Kerajaan telah memandatorikan pelaksanaan Standard

Prestasi Tenaga Minimum atau *Minimum Energy Performance Standard* (MEPS) dan memberi penarafan kecekapan tenaga berserta pelabelan ke atas sembilan (9) jenis peralatan elektrik iaitu peti sejuk, penghawa dingin, kipas domestik, televisyen, lampu, freezer, mesin basuh, microwave oven dan periuk nasi.

5. Kerajaan juga telah memperkenalkan Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE). Program ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia sebagai agensi pelaksana dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga (ST) melalui pembiayaan Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). Pelaksanaannya turut disokong oleh syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Nur Power Sdn. Bhd.

6. Pelaksanaan Program SAVE ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan kelengkapan elektrik cekap tenaga serta memperbanyakkan penawaran dan pilihan barangan yang cekap tenaga bertaraf 4 dan 5 bintang di dalam pasaran tempatan.

7. Program SAVE ini menyediakan nilai e-rebat yang boleh ditebus dan terdapat dua kategori peralatan di bawah program ini iaitu Kategori 1, peti sejuk dan penyaman udara dengan nilai e-rebat yang boleh ditebus sebanyak RM200. Di bawah Kategori 2 pula, nilai e-rebat yang disediakan adalah RM200 bagi televisyen, RM200 bagi mesin basuh, RM100 bagi ketuhar gelombang mikro atau RM50 bagi periuk nasi.

8. Bagi pemilik-pemilik syarikat yang merupakan pengguna elektrik di bawah kategori industri atau komersial yang menggunakan lebih 3 juta kWj dalam tempoh enam bulan berturut-turut di premis mereka dan berdaftar di bawah Peraturan Tenaga Elektrik 2008 boleh memohon dana melalui “Program Geran Audit Tenaga Bersyarat dan Pengurusan Tenaga dalam Sektor Industri dan Komersial” untuk melaksanakan audit tenaga secara kolaborasi dengan Syarikat Perkhidmatan Tenaga – *Energy Service Company* (ESCO) bagi mengenal pasti potensi penjimatan

tenaga elektrik di premis dan pemasangan mereka. Inisiatif-inisiatif tersebut bukan sahaja dapat membantu mengurangkan bil elektrik bagi pengguna bukan domestik, malah ia dapat dilihat sebagai usaha ke arah melestarikan perniagaan masing-masing dalam memenuhi komitmen ESG mereka.

9. Kerajaan turut mengambil inisiatif menukar lampu jalan kepada lampu jenis cekap tenaga seperti lampu *Light Emitting Diode* (LED) yang boleh menjimatkan bil elektrik untuk jangka masa panjang di bandar-bandar terpilih di Semenanjung Malaysia. Dalam tempoh kawal selia kedua (RP2) iaitu dari tahun 2018 hingga 2021, sebanyak 544,561 unit lampu jalan LED telah dipasang. Selanjutnya, Kerajaan telah bersetuju untuk memasang sebanyak 67,993 unit lampu jalan LED pada tahun 2022 di 10 lokasi terpilih di Semenanjung Malaysia. Pemasangan ini adalah menggunakan baki lampu jalan LED di bawah RP2. Sehingga 6 Julai 2022, sebanyak 25,002 unit lampu jalan LED telah dipasang.

10. Kerajaan juga melaksanakan program-program kesedaran mengenai kecekapan tenaga secara konsisten di pelbagai peringkat termasuk penyebaran maklumat kepada masyarakat setempat dan pengguna awam seperti pertandingan *Energy Efficiency (EE) Challenge* di peringkat sekolah, kempen-kempen promosi dan informasi kepada orang awam melalui pelbagai platform media massa, sosial dan elektronik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah hutang luar negara pada akhir suku pertama (S1) tahun 2022 dan peratusannya daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir suku pertama (S1) tahun 2022; dan
- (b) jumlah faedah bulanan yang perlu dibayar oleh pihak Kerajaan atas hutang luar negara dan jumlah faedah bulanan yang perlu dibayar oleh pihak Kerajaan atas hutang 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir suku pertama (S1) tahun 2022, pinjaman luar pesisir Kerajaan Persekutuan yang berdenominasi dalam matawang asing adalah sebanyak RM29.2 bilion atau 1.8 peratus kepada KDNK. Daripada jumlah ini, pinjaman pasaran iaitu hutang Sukuk Global dan Bon Samurai mencatat RM24.9 bilion, manakala baki RM4.3 bilion adalah pinjaman projek.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pembayaran faedah atas pinjaman luar pesisir dibuat secara dua kali setahun mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi tahun 2022, sebanyak RM780 juta diperuntukkan bagi pembayaran faedah atas pinjaman luar pesisir yang merangkumi Bon Samurai, Sukuk Global dan pinjaman projek luar negeri.

Manakala, jumlah bayaran faedah yang perlu dibayar bagi hutang 1MDB adalah sebanyak RM1,570.18 juta bagi tahun 2022, dengan andaian kadar tukaran wang asing USD1.00 bersamaan dengan RM4.50. Pembayaran faedah ini juga dibuat secara dua kali setahun mengikut jadual yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**
menyatakan bilakah jangkaan penaiktarafan menara telekomunikasi
kepada 5G di seluruh negeri Sabah dapat direalisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) sedang dijalankan secara berfasa, bermula di kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi yang tinggi. Ini adalah kerana kelebihan teknologi 5G akan lebih memberi impak kepada sektor perusahaan dan industri.

Pelaksanaan pembangunan rangkaian 5G di negeri Sabah telah bermula pada suku kedua tahun 2022. Sebanyak 295 tapak 5G dirancang untuk dibangunkan di daerah Kota Kinabalu dan Penampang. Sehingga 4 Julai 2022, sebanyak 18 tapak telah siap dibangunkan dan kerja-kerja pembangunan rangkaian 5G sedang giat dijalankan di negeri Sabah.

Buat masa ini, sasaran liputan oleh pihak DNB masih secara keseluruhan di peringkat negara dan belum diperincikan mengikut negeri. DNB telah menyasarkan 80% kawasan berpenduduk negara akan mendapat liputan 5G pada penghujung tahun 2024. Pelaksanaan yang pantas dan meluas ini akan mengurangkan risiko peluasan jurang digital dalam masyarakat. Peluasan liputan melebihi 80% kawasan berpenduduk akan dilaksanakan DNB pada tahun-tahun seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kementerian dalam transformasi kebangkitan ekonomi pendigitalan untuk membina semula ekonomi negara yang dilanda pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sentiasa berusaha dalam mentransformasikan kebangkitan ekonomi pendigitalan dalam membina semula ekonomi negara khususnya ketika beralih ke fasa endemik.

Pandemik Covid-19 telah merubah landskap ekonomi negara dan memacu penggunaan digital oleh rakyat dan perniagaan secara meluas. Kita telah melihat bagaimana digital telah mencipta peluang-peluang dalam membantu pemulihan ekonomi negara. Justeru, strategi dan polisi Kerajaan sedang rancak dilaksanakan bagi memastikan transformasi ekonomi digital yang inklusif, tangkas, dan relevan dengan keperluan semasa rakyat dan industri.

Terkini, Malaysia Digital (MD) telah diperkenalkan bagi mempergiatkan pembangunan ekonomi digital ke seluruh negara, menjana pelaburan baharu dan merakyatkan ekonomi digital melalui adaptasi digital yang inklusif dalam usaha Mendigitalkan Ekonomi Rakyat dan Merakyatkan Ekonomi Digital. Ini adalah selaras dengan usaha negara untuk mencapai sasaran sumbangan ekonomi digital kepada KDNK sebanyak 25.5 peratus menjelang 2025. Inisiatif strategik ini juga bertujuan menggalak dan menarik minat syarikat, bakat dan pelaburan di samping membolehkan syarikat-syarikat Malaysia serta rakyat memainkan peranan utama dalam mendepani evolusi digital dan ekonomi digital global.

Terdapat dua Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) terawal yang telah diperkenalkan menerusi inisiatif MD ini iaitu *DE Rantau* dan *Digital Trade*. Program *DE Rantau* bermatlamat untuk meningkatkan adaptasi digital, mempromosikan mobiliti profesional digital serta merancakkan pelancongan di seluruh negara, dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital pilihan, manakala program *Digital Trade* pula akan memacu kesalingoperasian dan penyelarasan yang lebih baik dari segi standard dan pendekatan kawal selia serta memudahkan perdagangan tempatan di dalam negara dan juga merentasi sempadan.

SOALAN NO: 88

MDEC akan mengenal pasti PEMANGKIN-PEMANGKIN baharu dari semasa ke semasa agar mencapai kesan yang berimpak tinggi kepada ekonomi digital negara. Selain itu, MDEC juga melaksanakan usaha dan inisiatif lain secara berterusan dalam menggalakkan penggunaan teknologi digital seperti:

- (i) Program eUsahawan yang merupakan pembelajaran secara luar dan dalam talian yang menyediakan pengetahuan dan ilmu keusahawanan digital kepada usahawan mikro, desa dan belia untuk menjana pendapatan, menjalankan pemasaran produk dan meningkatkan penjualan. Sehingga kini, sebanyak 469,512 usahawan mikro dan muda telah dilatih dan sebanyak 184,733 usahawan telah berjaya melaporkan jualan tambahan sebanyak RM1.06 bilion;
- (ii) Program Khas *Global Online Workforce* (GLOW) Aspirasi iaitu salah satu sub-program di bawah program eRezeki yang menyasarkan golongan B40 dan M40 yang terjejas dengan pandemik untuk menjana pendapatan melalui ekonomi gig yang berkemahiran dan berkeelayakan dalam bidang-bidang tertentu bagi menjana pendapatan tinggi secara digital. Menerusi program khas ini, para peserta diberikan latihan intensif serta bimbingan selama 6 bulan bagi menyediakan mereka sebagai seorang *digital freelancer* yang kompetitif dan mampu menjana pendapatan lestari dengan melaksanakan tugas dari luar negara. Sehingga kini, sebanyak 394,148 individu telah berjaya dilatih dan 1,035,904 individu telah berjaya menjana pendapatan yang menjadikan nilai keseluruhan pendapatan dijana adalah sebanyak RM2.801 Bilion;
- (iii) Perkhidmatan eDagang Setempat (PeDAS) yang menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan bantuan sokongan kepada usahawan luar bandar memasarkan produk mereka di platform e-dagang. Sehingga kini, sebanyak 1,046 PMKS luar bandar / miskin bandar telah dilatih, 1,000 PMKS luar bandar / miskin bandar telah menggunapakai platform e-dagang dan sebanyak RM 1.1 juta jumlah transaksi e-dagang telah direkodkan;
- (iv) Platform Go-eCommerce yang merupakan pusat sumber dalam talian yang mempunyai pelbagai rujukan dan panduan lengkap untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan

SOALAN NO: 88

usahawan mikro untuk menyertai dan menggunakan aplikasi e-dagang. Sehingga kini, sebanyak 478,759 pengguna telah berdaftar dalam platform Go-eCommerce; dan

- (v) Program *Outreach* digital turut diperluaskan melalui kempen atau gerakan #SayaDigital ke seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran dan peningkatan tahap kesediaan rakyat dalam penggunaan dan penguasaan teknologi digital dalam kehidupan harian. Selain itu, program ini dapat memperkasa rakyat dari golongan pemula digital (*digital novice*) dengan inisiatif ekonomi digital bagi memudahkan urusan seharian seterusnya membina masyarakat bermaklumat. Sehingga kini, sebanyak 33 program outreach telah dilaksanakan dan mencatatkan pendaftaran seramai 1,842 peserta.

Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk menambah baik dan memperluaskan inisiatif MD serta pembangunan ekonomi digital ini ke seluruh negara agar dapat memacu pertumbuhan aktiviti ekonomi digital dengan lebih pesat yang akan menyediakan lebih banyak peluang kepada rakyat, syarikat-syarikat tempatan serta para pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dan menampung subsidi rakyat dan sama ada GST akan diperkenalkan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion sejak 2020 serta langkah Belanjawan 2021 yang bertujuan mengurangkan kesan pandemik ke atas isi rumah dan perniagaan bagi membantu proses pemulihan ekonomi negara. Seterusnya, Belanjawan 2022 yang berjumlah RM332.1 bilion, terus memberi tumpuan kepada langkah menyokong momentum pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan. Momentum pemulihan ekonomi pada 2022 ke arah mencapai tahap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pra-pandemik, diunjur bertambah baik dengan pembukaan semula sektor ekonomi sepenuhnya dan sempadan antarabangsa. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan KDNK negara pada suku pertama 2022 yang kukuh pada kadar 5 peratus serta petunjuk ekonomi utama terkini yang mencerminkan prestasi ekonomi yang menggalakkan dan momentum pertumbuhan yang berterusan seperti:

- Pasaran buruh terus bertambah baik, dengan kadar pengangguran mencatat 3.9 peratus pada Mei 2022 berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020;
- Indeks Sentimen Pengguna MIER yang meningkat kepada 108.9 mata pada suku pertama 2022 berbanding 97.2 mata pada suku keempat 2021;
- Pelaburan langsung asing (FDI) turut mencatat peningkatan bagi suku pertama 2022 kepada RM24.4 bilion berbanding RM18.5 bilion bagi suku keempat 2021; dan
- Perdagangan luar terus mengukuh dengan jumlah dagangan pada separuh pertama 2022 (Januari hingga Jun) berkembang sebanyak 28.2% kepada RM1,355.1 bilion (Januari – Jun 2021: 26.1%, RM1,056.7 bilion).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengutamakan bantuan sosial, termasuk bantuan tunai serta pemberian subsidi bersasar kepada rakyat untuk membantu menangani peningkatan kos sara hidup terutamanya bagi golongan rentan. Bagi tempoh 5 bulan dari Februari hingga Jun 2022, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM730 juta untuk menampung subsidi harga ayam dan telur dan bersetuju menyediakan subsidi tambahan bagi ayam dan telur bagi tempoh Julai hingga Ogos 2022 yang melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM370 juta. Di samping itu, bantuan tunai tambahan kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia juga disediakan bagi mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup dengan peruntukan sebanyak RM630 juta. Peningkatan peruntukan subsidi serta bantuan tunai sebanyak RM1 bilion ini berbanding peruntukan yang disediakan pada separuh tahun pertama 2022 mencerminkan bahawa Kerajaan amat prihatin terhadap beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Dalam usaha untuk melindungi rakyat daripada kesan kenaikan harga komoditi global khususnya minyak mentah, Kerajaan terus menanggung perbelanjaan subsidi yang jauh lebih besar bagi separuh tahun kedua 2022 berbanding separuh tahun pertama. Subsidi produk petroleum telah meningkat dengan mendadak daripada sekitar RM2 bilion bagi bulan Januari dan Februari kepada hampir RM7 bilion untuk bulan Jun tahun ini. Subsidi elektrik separuh tahun kedua pula dianggarkan sebanyak RM5.8 bilion berbanding separuh tahun pertama yang berjumlah RM0.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih mengkaji kesesuaian untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) atau model-model cukai penggunaan yang lain, dengan mengambil kira pelbagai aspek yang bukan sahaja tertumpu kepada kesan pengenaan cukai tersebut terhadap hasil negara, tetapi turut melihat impaknya ke atas rakyat, ekonomi, daya maju dan daya saing negara serta kelestarian pelaksanaannya dalam jangka masa panjang. Selain itu, kajian yang dibuat juga melihat kembali pelaksanaan GST sebelum ini bagi mengenal pasti kelemahan dan penambahbaikan yang praktikal dan boleh dilaksanakan. Semua perkara ini akan diambil

kira dalam menentukan kesesuaian pelaksanaan sebarang bentuk cukai baharu, selain memastikan sistem cukai tersebut bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan, dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Seperti yang pernah diumumkan, Kerajaan tidak akan memperkenalkan cukai yang baharu jika pemulihan ekonomi pasca COVID-19 belum lagi berada di landasan yang kukuh dengan pertumbuhan KDNK yang kukuh, pencapaian guna tenaga penuh serta inflasi di paras terkawal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan baucar makanan digital kepada penerima daripada Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) bagi membeli makanan asas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan Yang Berhormat berkaitan penerima Bantuan Keluarga Malaysia (atau BKM) juga diberi bantuan dalam bentuk baucar makanan digital bagi membeli makanan asas **adalah amat dialu-alukan dan akan diperhalusi selanjutnya**. Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan oleh Kementerian Kewangan, keperluan semasa golongan rentan adalah untuk bantuan tunai bagi membantu membiayai kos sara hidup semasa dan memberi fleksibiliti kepada penerima BKM bagaimana bantuan digunakan.

Namun demikian, baucar makanan digital mungkin sesuai dipelopori bagi menggantikan subsidi barangan asas yang diberi secara pukal. Kerajaan mendapati bahawa bila subsidi diberikan contohnya untuk minyak masak atau ayam, ianya bakal memanfaatkan selain daripada golongan yang disasarkan seperti golongan bukan warganegara, peniaga dan golongan T20. Pada masa yang sama, jika

subsidi tersebut dihentikan dan diganti dengan bantuan tunai, dikhuatiri bantuan tersebut tidak digunakan untuk barangan tersebut.

Kerajaan komited untuk membantu rakyat, terutamanya golongan mudah terjejas dalam menghadapi cabaran kos sara hidup. Baucar makanan digital boleh dikaji sebagai salah satu mekanisme untuk menyediakan subsidi secara lebih bersasar kepada golongan yang dipilih. Walau bagaimanapun, mekanisme baharu seperti baucar makanan digital perlu dikaji dengan teliti dari pelbagai aspek, termasuk

- penerimaan rakyat terutamanya golongan luar bandar atau warga emas untuk menggunakan aplikasi digital, dan
- kebolehlaksanaan untuk mekanisme tersebut diguna oleh peniaga termasuk kedai runcit.

Kerajaan akan meneliti program bantuan dan subsidi sedia ada dalam konteks menambahbaik pelaksanaannya dari segi mengoptimalkan peruntukan kepada golongan yang memerlukannya dan pada masa yang sama, mudah untuk digunakan oleh pengguna dan peniaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan sejauh mana kejayaan Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan pengawalseliaan syarikat-syarikat telekomunikasi serta platform maya dan Bank Negara dengan pengawalseliaan bank-bank dalam menangani isu *scammer* dan penipuan keselamatan sementara menunggu Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu penipuan dalam talian perlu dilihat dari aspek pencegahan dan advokasi, memandangkan matlamat akhir kita adalah supaya pengguna dapat melindungi diri mereka sendiri daripada sebarang penipuan atau *scam* memandangkan penjenayah sentiasa merubah modus operandi mengikut perkembangan teknologi.

Dari aspek penguatkuasaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa menjalankan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengekang aktiviti penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab melalui melalui panggilan dan khidmat pesanan ringkas (SMS), yang memberi kesan buruk kepada pengguna dan industri dengan melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) Pembentukan pasukan petugas khas bagi Penipuan Telekomunikasi dengan kerjasama daripada syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- (ii) Mewujudkan dokumen Rujukan Industri (*Industry Reference*) dalam pelaksanaan peraturan sekatan yang menggariskan 12 peraturan sekatan ada bagi mengekang panggilan sampai kepada pengguna.
- (iii) Merangka Garis Panduan baharu bagi mengekang penipuan melalui perkhidmatan SMS

Melalui usaha sama oleh penyedia perkhidmatan komunikasi, sejumlah 1.6 bilion panggilan yang meragukan telah berjaya disekat daripada sampai kepada pengguna dari tahun 2018 hingga tahun 2021.

Daripada Januari 2018 hingga Jun 2022, pihak SKMM telah menerima sejumlah 7886 aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan, yang seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.

Daripada Januari 2022 hingga Jun 2022, sebanyak 1,546,422 talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,034,751 talian telah ditamatkan perkhidmatannya, 511,453 telah dikemaskini dengan maklumat yang sah dan 218 dalam proses pengemaskinian perkhidmatan.

Keutamaan juga diberikan kepada usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian, menerusi program-program advokasi pengguna dan kempen kesedaran di seluruh negara melalui program Klik Dengan Bijak (KDB) dan Malaysian ICT Volunteer (MIV), serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran dan kewaspadaan orang ramai termasuk golongan muda dan kanak-kanak berkenaan risiko dan modus operandi penipuan dalam talian. Kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan pemimpin masyarakat juga bakal dijalin untuk menambahkan lagi keberkesanan kempen ini.

Selain itu, kesedaran juga turut ditekankan terhadap penggunaan portal SemakMule yang telah dibangunkan pihak PDRM di pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>, serta aplikasi mudah alih SemakMule yang membolehkan masyarakat membuat semakan awal terhadap akaun bank dan nombor telefon yang dikhuatiri digunakan bagi sindiket penipuan, sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan.

Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh SKMM juga membantu dalam memberikan maklumat atau peringatan bagi memupuk kewaspadaan orang ramai terhadap aktiviti penipuan dan cubaan penipuan dalam talian. Portal tersebut secara purata menerima sekitar 2.97 juta "*hits*" setiap bulan, dan dilihat sebagai antara wadah penting di dalam menyampaikan maklumat kesedaran kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI
WANG [KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif terkini Kerajaan
berhubung dengan pemberian pelbagai subsidi kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengunjurkan perbelanjaan subsidi akan mencecah RM77.7 bilion berbanding jumlah RM31 bilion semasa Bajet 2022 dibentangkan. Langkah ini diambil untuk mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup bagi seluruh Keluarga Malaysia ekoran kenaikan harga komoditi dunia.

Ketika Bajet 2022 dibentangkan, andaian harga minyak mentah dunia bagi anggaran hasil dan subsidi ditetapkan pada kadar 66 US dolar setong. Kini, harga minyak mentah dunia telah meningkat melebihi 100 US dolar setong semenjak bulan Mac tahun ini. Bagi minyak sawit mentah (CPO) pula, andaian Bajet 2022 adalah sekitar RM3,400 setan metrik (RM3,444), tetapi purata harga sawit sebenar telah melebihi RM6,000 setan metrik semenjak harganya meningkat dengan mendadak pada bulan Mac yang lalu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih terus memberi pelbagai bantuan dan subsidi kepada rakyat, terutamanya berkaitan minyak dan petroleum. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan subsidi baharu yang tidak termasuk dalam Bajet 2022, iaitu bagi ayam dan telur serta elektrik. Bagi petrol, diesel dan LPG contohnya, anggaran keperluan subsidi tahun ini hampir RM40 bilion, berbanding RM13.2 bilion pada tahun lepas. Minyak masak pula dijangka sekurang-kurangnya RM3 bilion, berbanding RM2.2 bilion, dan bagi subsidi kepenggunaan lain, anggaran perbelanjaan adalah RM9.7 bilion berbanding hanya RM1.1 bilion tahun lepas. Pemberian Kerajaan ini berdasarkan kepada keprihatinan Kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN
MD. SALLEH (SRI GADING)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa peratusan semasa tanah rizab Melayu setakat Jun 2022 dan langkah strategik Kerajaan dalam memelihara perkara ini dalam tempoh 10 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluasan kawasan yang diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu (TRM) berbanding keluasan Semenanjung Malaysia sehingga 2021 adalah 37.39% iaitu peningkatan 1.07% daripada tahun 2020 dan peningkatan sebanyak 104.86% berbanding keluasan TRM pada tahun 1947. Kutipan data bagi keluasan TRM tahun 2022 masih dalam tindakan Kementerian dengan kerjasama semua Pentadbiran Tanah Negeri.

Dimaklumkan bahawa keluasan Tanah Simpanan Melayu tidak akan mengalami pengurangan keluasan memandangkan apabila terdapat pembatalan Kawasan Tanah Simpanan Melayu, Pihak Berkuasa Negeri akan menggantikan keluasan kawasan tersebut dengan tanah-tanah lain selaras dengan peruntukan Fasal 3 Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fasal 2 Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

Memandangkan isu TRM dan cadangan-cadangan pembangunan melibatkan tanah milik Persendirian adalah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri masing-masing, Kementerian menerusi Jabatan Ketua Pengarah dan Galian (JKPTG), Pusat Geospatial Negara dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), TERAJU serta PLAN Malaysia sedang bekerjasama dalam menyediakan satu pelan pembangunan pangkalan data TRM yang menyeluruh agar menjadi pemangkin pembangunan yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Dalam masa yang sama, sesi libat urus dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dijadual untuk diadakan secara berkala bagi mewujudkan komitmen yang baik dalam pemantauan TRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID (PENGERANG) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan risiko tanah runtuh terutama di kawasan FELDA dan Taman Mutiara Desaru, Bandar Penawar di kawasan Parlimen Pengerang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fenomena bencana geologi tanah runtuh telah dikenal pasti menjadi suatu ancaman yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda hingga membawa kerugian besar kepada negara. Dalam hal ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) yang mempunyai kepakaran dalam bidang geologi diberi tanggungjawab dalam usaha-usaha mengurangkan risiko bencana geologi tanah runtuh amnya.
2. Bagi tujuan pencegahan, JMG menjalankan kerja-kerja pemantauan cerun kritikal di seluruh negara (**kecuali** cerun sepanjang jalan dan lebuh raya di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak konsesi) secara berkala. Maklumat cerun kritikal ini dikemaskini dan dikongsi kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi tindakbalas bencana (Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat) dan teknikal yang terlibat dalam pengurusan cerun (Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dari semasa ke semasa.
3. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2021, terdapat 25 cerun kritikal di seluruh negeri Johor yang sedang dalam pemantauan JMG yang terdiri daripada tujuh (7) cerun kritikal tahap tinggi, tujuh (7) cerun kritikal tahap sederhana dan sebelas (11) cerun kritikal tahap rendah.
4. Sejumlah lapan (8) cerun dikenalpasti berada dalam Parlimen Pengerang, Daerah Kota Tinggi. Tiga (3) cerun berada pada tahap kritikal tinggi iaitu satu (1) cerun di Felda Semenchu dan dua (2) cerun di kawasan sekitar penempatan Bukit Pelali. Sejumlah tiga (3) cerun pula berada pada tahap kritikal sederhana iaitu di Kawasan Tangki Air SAJ, Bukit Pelali, Kampung Bukit Raja dan Jalan Flora, Sebana Cove manakala dua (2) cerun pada tahap kritikal rendah iaitu di Jalan Gunung Panti enam (6) dan di Persiaran Bukit Pelali.

5. Selain itu, bagi kawasan Taman Mutiara Desaru, tiada aduan tanah runtuh diterima oleh pihak JMG. Walau bagaimanapun, hasil daripada lawatan tapak dan maklumat daripada pihak Majlis Perbandaran Pengerang, kerja-kerja baikpulih cerun yang telah runtuh sedang diambil tindakan oleh pihak Majlis Perbandaran Pengerang bermula 5 April 2022.

6. Bagi tujuan tindakbalas bencana tanah runtuh, JMG menjalankan pemeriksaan tapak bencana dalam tempoh 24 jam sebaik sahaja menerima maklumat kejadian bencana. Penilaian tahap keselamatan dibuat sejurus tiba di tapak bencana bagi memastikan kumpulan penyiasat JMG dan Agensi Tindakbalas seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) termasuk Agensi Teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak terdedah kepada ancaman runtuh susulan.

7. Bagi tujuan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana pula, JMG melaksanakan penzonan kawasan bencana mengikut tahap risiko yang terbahagi kepada dua (2) iaitu zon bahaya dan zon kawalan. Zon Bahaya berada dalam perimeter jasad tanah runtuh manakala Zon Kawalan adalah kawasan yang mengelilingi Zon Bahaya yang mempunyai ciri-ciri geologi dan geomorfologi cerun yang sama dengan Zon Bahaya serta terdapatnya tanda-tanda pergerakan tanah. Kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan Prosedur Operasi Standard Di Kawasan Zon Bencana Tanah Runtuh (JMG. SOP.01).

8. Penglibatan KeTSA melalui JMG dalam usaha-usaha ini diharapkan akan membantu Agensi berkaitan dan Kerajaan Negeri dalam membuat tindakan mitigasi bersesuaian bagi mendepani isu-isu bencana geologi tanah runtuh dan mengurangkan kesannya ke atas masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN
TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Artikel 112C dan Seksyen 2(1) Bahagian 4, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan mengapa peruntukan perlembagaan ini tidak dikuatkuasakan sejak tahun 1973 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah difailkan ke mahkamah oleh 12 orang wakil rakyat dan Persatuan Undang-Undang Sabah (*Sabah Law Society*) terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

Oleh yang demikian, tiada apa-apa ulasan atau jawapan boleh diberikan atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah keluasan tanah simpanan (rizab) Melayu (TSM) di Semenanjung Malaysia dan berikan pecahan mengikut negeri serta berikan juga jumlah kawasan FELDA yang terletak di bawah TSM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya ialah 4,963,190.80 hektar. Pecahan keluasan mengikut negeri bagi tahun 2019-2021 adalah seperti di **Lampiran A**.

Dimaklumkan bahawa maklumat berkaitan tanah FELDA yang terletak dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Dimaklumkan juga bahawa maklumat yang diperolehi oleh Kementerian berkaitan TRM adalah daripada Pentadbiran Tanah Negeri masing yang merangkumi tanah bermilik dan tanah Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A

TABURAN KEDUDUKAN KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2019-2021

NEGERI	JUMLAH KELUASAN NEGERI (HEKTAR)	JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU 2019 (HEKTAR)	PERATUS KELUASAN TRM BERBANDING KELUASAN NEGERI 2019 (%)	JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU 2020 (HEKTAR)	PERATUS KELUASAN TRM BERBANDING KELUASAN NEGERI 2020 (%)	JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU 2021 (HEKTAR)	PERATUS KELUASAN TRM BERBANDING KELUASAN NEGERI 2021 (%)
PERLIS	81,848.40	30,722.73	37.53	30,728.81	37.54	30,728.81	37.54
KEDAH	958,351.52	721,801.42	75.31	721,803.16	75.32	721,803.16	75.32
KUALA LUMPUR	24,347.30	987.61	4.05	1003.56	4.12	1,003.56	4.12
NEGERI SEMBILAN	668,514.94	226,402.56	33.86	226,372.66	33.86	226,372.66	33.86
JOHOR	1,916,703.05	557,563.32	29.09	558,539.64	29.14	558,539.64	29.14
PAHANG	3,596,667.37	436,910.47	12.14	436,910.47	12.14	436,910.47	12.14
TERENGGANU	1,303,617.09	118.22 (Tanah Rizab)	36.87	118.22 (Tanah Rizab)	32.31	118.22 (Tanah Rizab)	32.31
		480,588.74 (Pemegangan Melayu)		421,097.60 (Pemegangan Melayu)		421,097.60 (Pemegangan Melayu)	
KELANTAN	1,709,491.91	1,308,687.00	76.55	1,308,687.07	76.55	1,453,025.30	84.99
PERAK	2,097,753.78	950,326.00	45.30	953,056.51	45.43	953,042.67	45.43
SELANGOR	810,454.57	163,639.82	20.19	163,258.57	20.14	160,462.96	19.79
PULAU PINANG	104,900.64	TIADA RIZAB MELAYU	0	0	0	0	0
MELAKA	166,286.94	TIADA RIZAB MELAYU	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	13,272,650.57	4,877,747.89	36.75	4,821,576.27	36.32	4,963,190.80	37.39

NOTA

1. Maklumat ini diperoleh daripada setiap Pentadbiran Tanah Negeri Masing-masing. Pihak JKPTG tidak mengolah apa-apa Data ini
2. JKPTG tiada maklumat mengenai pembatalan atau penggantian kawasan TRM negeri-negeri;
3. JKPTG tiada maklumat mengenai penilaian kawasan TRM negeri masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa keluasan Tanah Simpanan Melayu yang dilupuskan selepas kemerdekaan negara dan berapa keluasan yang diisytihar (diganti) selepas kemerdekaan negara serta berikan statistik keluasan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluasan kawasan yang diwartakan sebagai Tanah Simpanan Melayu di Semenanjung Malaysia sehingga kutipan data terkini pada 2021 adalah sebanyak 37.39% iaitu 4,963,190.80 hektar. Peratus keluasan tahun 2021 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.07% berbanding tahun 2020. Maklumat sedia ada juga merekodkan peningkatan keluasan sebanyak 104.86% berbanding dicatatkan sebelum Merdeka pada tahun 1947. Data terawal yang dikenalpasti oleh Kementerian mengenai Tanah Simpanan Melayu adalah maklumat pada tahun 1947 dengan jumlah keluasan Tanah Simpanan Melayu sebanyak 2,422,720 hektar. Statistik kedudukan keluasan Tanah Simpanan Melayu adalah seperti di **Lampiran**. Maklumat spesifik pembatalan dan penggantian Tanah Simpanan Melayu boleh diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

TABURAN KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU MENGIKUT NEGERI TAHUN 1947 - 2021

NEGERI	1947	1986	1997	2008	2013	2014	2016	2017	2018	2019	2020	2021
PERLIS	37,165	34,106	37,516.95	37,322.60	24,912.92	37,061.35	37,061.35	37,061.35	28,609.46	30,722.73	30,728.81	30,728.78
KEDAH	808,162	878,372	839,423.80	868,821.05	868,850.85	721,761.23	721,771.58	721,772.50	721,779.43	721,801.42	721,803.16	721,888.93
KUALA LUMPUR	-	729	783.06	803.43	833.65	833.8	1,007.00	1,007.00	997.61	997.61	1,003.56	1,003.56
NEGERI SEMBILAN	237,259	598,905	211,605.37	240,741.17	224,405.88	225,981.23	221,000.00	226,523.16	226,402.56	226,402.56	226,372.66	226,372.66
JOHOR	49,985	221,498	327,373.46	195,262.42	401,668.92	432,157.64	555,276.02	555,276.02	557,274.92	557,563.32	558,539.64	558,539.64
PAHANG	299,393	335,288	436,133.99	424,743.83	433,617.60	545,489.74	446,397.31	446,435.09	413,065.35	436,910.47	436,910.47	436,910.47
TERENGGANU	-	91	95	118.21	118.21	118.21	118.21	Tanah Rizab Melayu	Tanah Rizab Melayu	Tanah Rizab Melayu	Tanah Rizab Melayu	Tanah Rizab Melayu
								118.22	118.22	118.22	118.22	118.22
								Tanah Pegangan Melayu	Tanah Pegangan Melayu	Tanah Pegangan Melayu	Tanah Pegangan Melayu	Tanah Pegangan Melayu
								597,204.79	459,653.92	480,588.74	421,097.60	421,097.60
KELANTAN	127,785	1,307,153	1,493,130.40	1,493,130.40	1,308,686.97	1,319,840.10	1,323,984.11	1,323,984.11	1,308,686.97	1,308,687.00	1,308,687.07	1,453,025.30
PERAK	737,126	902,462	876,933.15	881,366.78	945,164.35	913,981.76	953,023.00	966,101.46	953,023.78	950,326.00	953,056.51	953,042.67
SELANGOR	125,845	60,060	170,940.24	126,227.34	154,210.19	165,291.42	160,355.29	160,354.94	162,162.04	163,639.92	163,258.57	160,462.96
JUMLAH	2,422,720	4,338,664	4,393,935.42	4,268,537.23	4,362,469.55	4,362,516.48	4,419,993.01	5,035,838.61	4,831,894.86	4,877,757.99	4,821,576.27	4,963,190.80
(hektar)												

Sumber : Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), (2021)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah statistik terkini kebolehpasaran graduan selepas pelbagai program seperti My Future Jobs, PENJANA dan usaha telah dilaksanakan dan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memastikan graduan-graduan mendapat pekerjaan yang bersesuaian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebolehpasaran para graduan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian. Pelbagai program dan inisiatif latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran telah dilaksanakan bagi memastikan mereka diterima oleh industri dan ditawarkan pekerjaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

i. Program PENJANA KPT-CAP dan KPT-PACE;

Program ini telah dilaksanakan bagi memberi latihan kemahiran tambahan dan persijilan profesional serta menjamin penempatan pekerjaan kepada para graduan melalui *Letter of Commitment (LOC)* yang dikemukakan oleh industri sebaik sahaja mereka menamatkan latihan; atau melaksanakan perniagaan yang boleh menjana pendapatan kepada mereka. Inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2020 dan diteruskan pada tahun 2022. Sepanjang inisiatif ini dilaksanakan sehingga Jun 2022, sejumlah 31,100 orang graduan menganggur telah berjaya ditempatkan di industri atau menjana pendapatan.

ii. Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE);

Program intervensi ini juga turut memberikan kemahiran tambahan kepada graduan yang dikenal pasti rendah pencapaian akademik mereka melalui Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasarannya (kadar kebolehpasaran 50 peratus ke bawah). Peserta program ini turut dijamin pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Daripada tahun 2020 hingga Jun 2022, sejumlah 2,196 graduan telah berjaya ditempatkan di industri melalui inisiatif ini.

iii. Melaksanakan padanan pekerjaan melalui portal MyFUTUREJobs dengan kerjasama PERKESO;

Melalui jalinan kolaborasi utuh antara KPT dan PERKESO, graduan yang masih belum bekerja akan dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan apabila mereka mendaftar di portal MyFutureJobs di bawah seliaan PERKESO. Sehingga Jun 2022, seramai 171,698 graduan telah berjaya ditempatkan di industri melalui inisiatif yang dilaksanakan ini.

Impak kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini dapat dilihat menerusi peningkatan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak **1.1** peratus kepada 85.5 peratus pada tahun 2021 berbanding 84.4 peratus pada tahun 2020 yang diperolehi menerusi Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kajian ini juga menunjukkan peningkatan dalam graduan yang telah bekerja dalam tempoh enam (6) bulan setelah bergraduasi daripada 156,525 orang pada tahun 2020 kepada 176,256 orang graduan pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]
TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi holistik dalam penguasaan mata pelajaran Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan penguasaan mata pelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan murid diberi perhatian dan dipertingkatkan.

Justeru, KPM telah menyediakan satu pelan pembangunan pendidikan bahasa Inggeris yang holistik, iaitu *The Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015–2025*. Pelan ini memperincikan perubahan yang diperlukan dalam pendidikan bahasa Inggeris secara sistemik dan sistematik bermula daripada prasekolah sehingga universiti serta institusi pendidikan guru bagi memastikan tahap pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia mencapai penarafan antarabangsa.

Bagi mencapai hasrat ini, KPM telah mengusahakan penyesuaian sistem pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia dengan standard antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages*

(CEFR) yang melibatkan penambahbaikan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan latihan guru daripada peringkat prasekolah sehingga ke pendidikan tinggi.

Selain daripada itu, dalam memastikan kurikulum yang berkualiti dapat dilaksanakan dengan berkesan, faktor guru juga diberi perhatian. Kualiti guru diberi penekanan dan pelbagai program yang sejajar dengan *The Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015–2025* dirangka di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar ini merupakan satu usaha untuk meletakkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris masing-masing sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi antarabangsa.

Antara program yang dilaksanakan adalah *Highly Immersive Programme* (HIP), Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS), Program *Remedial Instruction* dan Program *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) yang bertujuan meningkatkan kemahiran, profisiensi dan pedagogi guru bahasa Inggeris untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan selaras dengan kehendak pelan dan menyokong persekitaran pembelajaran murid.

KPM sentiasa komited dalam menambah baik sistem pendidikan bahasa Inggeris agar murid dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pemberian komputer riba percuma kepada pelajar yang layak. Berapa jumlah pelajar yang layak dari Parlimen Tanjong Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Bajet 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Kesemua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021.

Khusus bagi Parlimen Tanjong Manis, sejumlah 429 unit peranti telah selesai diagihkan kepada murid yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR
PUTERI]
TARIKH : 01 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan gaji dan elaun yang diterima oleh semua pengurusan tertinggi syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan gaji dan elaun di dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah berdasarkan beberapa kriteria utama seperti saiz syarikat, jenis perniagaan, status syarikat (tersenarai atau tidak tersenarai), kompleksiti tugas dan tanggungjawab serta lain-lain kriteria lagi. Selain itu, Kerajaan turut mengambil kira faktor kajian pasaran bagi memastikan gaji dan elaun yang ditetapkan berpadanan atau *mark-to-market*. Perkara ini penting bagi memastikan syarikat-syarikat berkenaan dapat mengekalkan bakat dan kemahiran kakitangan (*right talent and skill set*) selain dapat menarik bakat yang terbaik daripada pasaran untuk menyertai syarikat. Perkara ini penting bagi memastikan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan kekal berdaya saing terutamanya dalam mengharungi keadaan ekonomi ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status, jenama, syarikat pembekal serta kos tablet yang dibekalkan di bawah Program Peranti Siswa dan sama ada peranti tersebut diberikan hak milik ataupun dipinjam kepada pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan dan perincian mengenai pemberian tablet di bawah Inisiatif PerantiSiswa akan diumumkan oleh YB MenKOMM pada 4 Ogos 2022.

Sekian, terima kasih.